

"SESUNGGUHNYA Kami menurunkan Al-Quran itu pada malam Lailatulqadar. Dan tahukah engkau apakah malam Lailatulqadar itu? Malam Lailatulqadar itu lebih baik daripada seribu bulan. Pada malam itu turun malaikat-malaikat dan Malaikat Jibril dengan izin Tuhan mereka untuk mengatur segala urusan. Malam itu penuh kesejahteraan hingga terbit fajar".
- Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Qadr, ayat 1 - 5.

"Ya Allah, Ya Tuhan kami, kiranya kami ini sudah terlanjur mengukuri nikmat-Mu dengan kelakuan-kelakuan kami yang Engkau tidak redai, maka Engkau ampunkanlah kami dan kasihanilah kami dengan menarik balik wabak koronavirus daripada negara kami. Ya Allah mohon supaya Engkau bersihkan negara kami ini daripada wabak sebersih-bersihnya. Amin.
Wahashunallahu Wani'malwakeel, Walahaula Walaa Qowwata Illa Billahil 'Aliyyl 'Azeem. Walhamdu Lillahi Rabbil 'Aalameen.

- Titah Perutusan Khas
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
dan Yang Di-Pertuan
Negara Brunei Darussalam
pada Selasa, 9 Muharam 1443 Hijrah
bersamaan 17 Ogos 2021 Masihi
di Istana Nurul Iman.

PERUTUSAN TAHNIAH ATAS PELANTIKAN PRESIDEN REPUBLIK ARAB MESIR



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah El-Sisi.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan

Negara Brunei Darussalam telah berkenan menghantar titah perutusan tahniah kepada Presiden Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Abdel Fattah El-Sisi berikutan dengan pelantikannya semula sebagai Presiden Republik Arab Mesir.

Khatam Al-Quran raikan pelajar BIBD ALAF

■ Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Sebagai menandakan tamatnya pembacaan 30 Juzuk Al-Quran, pelajar-pelajar Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD ALAF) diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddien, di ibu negara.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Uagama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

>> Muka 2

Komited ke arah meningkatkan kualiti kehidupan individu autisme

■ Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Di Negara Brunei Darussalam, kadar autisme menunjukkan peningkatan yang amat ketara. Pada tahun 2011, hanya 36 kanak-kanak didiagnos dengan autisme. Angka ini meningkat kepada 230 orang kanak-kanak didiagnos dengan autisme pada tahun 2023.

Setakat 21 Mac 2024 pula, Pusat Perkembangan Kanak-kanak (CDC) telah mendiagnos seramai 55 orang kanak-kanak dengan autisme, yang menjadikan jumlah keseluruhan kanak-kanak dengan autisme sejak tahun 2011 seramai 1,845 orang.

Perkara tersebut antara yang ditekankan

oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar dalam perutusan sempena Hari Kesedaran Autisme Sedunia 2024.

Di samping itu, jelas Yang Berhormat Menteri Kesihatan, Hospital Suri Seri Begawan juga telah mencatat seramai 354 orang kanak-kanak didiagnos dengan autisme sejak tahun 2013, di mana jumlah kanak-kanak yang didiagnos ini telah meningkat sebanyak tiga kali ganda sejak tahun tersebut hingga sekarang.

>> Muka 6

Merukyah anak bulan Syawal, 9 April ini

Siaran Akhbar : Pejabat Pendaftaran
Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan
Kehakiman Negara

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Sebanyak lima lokasi telah dipilih bagi penglihatan anak bulan Ramadan Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi seluruh negara pada petang Selasa, 29 Ramadan 1445H bersamaan 9 April 2024M.

Menurut Siaran Akhbar Pejabat Pendaftaran Mahkamah Rayuan Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Hakim-hakim Syarie dan pegawai-pegawai Mahkamah-mahkamah Syariah, Jabatan Kehakiman Negara, Jabatan Perdana Menteri (JPM) bersama pegawai-pegawai dari Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan akan berada di tempat-tempat yang telah ditetapkan untuk merukyah (melihat anak bulan Syawal 1445H) adalah seperti berikut; iaitu Menara DST, Bangunan DST Headquarters, Lebuhraya Tungku, Daerah Brunei dan Muara; Taman Rekreasi Tanjung Batu, Kampung Sabun, Pekan Muara, Daerah Brunei dan Muara; Bukit Agok, Jerudong, Daerah Brunei dan Muara; Bangunan Hilal Bukit Ambog, Daerah Tutong; dan Bangunan Hilal Bukit Lumut, Daerah Belait.

Berikutan dengan itu, pengumuman 1 Syawal (awal Syawal) bagi Tahun 1445H / 2024M akan disiarkan melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) sebaik sahaja rukyah pada petang berkenaan diperolehi melalui pemakluman yang dilakukan melalui siaran RTB.

Orang ramai adalah diminta memberikan kerjasama supaya tidak mendekati tempat-tempat berkenaan.



Berita Utama



AL-QURAN adalah ubat, penawar
bagi manusia

Muka 5



SUNTIK semangat cintakan kitab
suci Al-Quran

Muka 11



RFD : Dekati masyarakat
memerlukan bantuan

Muka 17



RENCANA

LAKSANAKAN Zakat Fitrah,
jangan bayar saat akhir

Muka 21

KHATAM AL-QURAN RAIKAN PELAJAR BIBD ALAF

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Omar 'Ali Saifuddin (kanan), manakala gambar kiri, pelajar - pelajar Program Galakan Pembelajaran Sepanjang Hayat Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD ALAF) yang diraikan.

>> Muka 1

Hadir sama, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Nasir bin Haji Abdul Rani, yang juga selaku Pengerusi Badan Penasihat Syariah BIBD dan Ahli Badan Penasihat Syariah BIBD. Turut hadir, Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutif

BIBD, Awang Junaidi bin Haji Masri bersama pegawai kanan kerajaan serta pengurusan dan kakitangan BIBD.

Acara majlis didahului dengan Sayyidul Istighfar dan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama diikuti dengan bacaan surah-surah lazim dan Takhtim oleh para

pelajar BIBD ALAF dan diikuti dengan Doa Khatam dan Doa Tahliil. Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama seterusnya menyempurnakan penyampaian cenderahati kepada pelajar-pelajar BIBD ALAF.

Sejak penubuhannya pada tahun 2013, Program BIBD ALAF telah memainkan peranan penting dalam menyediakan bantuan

kewangan, sokongan pendidikan, dan bimbingan kepada pelajar daripada golongan sasaran di negara ini.

Inisiatif ini menekankan pembangunan holistik pelajar, merangkumi aktiviti akademik dan kurikulum tambahan yang memupuk kesediaan industri dan nilai-nilai murni yang sejajar dengan Melayu Islam Beraja.

Program ini telah menyokong lebih 300 pelajar, menyumbang kepada kemajuan pendidikan dan pembasmian kemiskinan yang ketara di negara ini.

Inisiatif BIBD ALAF mencerminkan komitmen BIBD untuk menyokong pendidikan sepanjang hayat, selaras dengan prinsip Maqasid Al-Syariah dan matlamat Wawasan Brunei 2035.

WAKTU SEMBAHYANG										
April MASIHI	HARI	Ramadan HIJRAH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
3	RABU	23	4.51	5.01	6.18	6.41	12.25	3.25	6.29	7.38
4	KHAMIS	24	4.50	5.00	6.18	6.40	12.24	3.26	6.29	7.38
5	JUMAAT	25	4.50	5.00	6.17	6.40	12.24	3.26	6.28	7.38
6	SABTU	26	4.49	4.59	6.17	6.39	12.24	3.27	6.28	7.38
7	AHAD	27	4.49	4.59	6.17	6.39	12.23	3.27	6.28	7.38
8	ISNIN	28	4.48	4.58	6.16	6.39	12.23	3.28	6.28	7.38
9	SELASA	29	4.48	4.58	6.16	6.38	12.23	3.28	6.28	7.38

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI			
RABU	KHAMIS	JUMAAT	
Bandar Seri Begawan			
32 26 °C	32 26 °C	33 26 °C	
Pekan Bangar			
32 26 °C	32 26 °C	33 26 °C	
Pekan Tutong			
32 26 °C	32 26 °C	33 26 °C	
Kuala Belait			
32 26 °C	32 26 °C	33 26 °C	

Wallahualam Bissawab
Sumber : Perkhidmatan Kaji cuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

SIDANG PENGARANG 3 APRIL 2024

Ganjaran, rahmat Lailatulqadar

SATU daripada keagungan, keistimewaan dan kemuliaan Ramadan ialah terdapatnya satu malam penuh berkat yang lebih baik daripada seribu bulan, malam Lailatulqadar yang hanya muncul pada 10 hari terakhir bulan Ramadan.

Malam istimewa itu amat dinanti-nantikan kemunculannya oleh setiap Muslim yang beriman dan bertakwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam sendiri memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya malam bersejarah yang penuh hikmah itu berkenan menemuinya.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Sesungguhnya bulan ini (Ramadan) telah datang kepada kamu, di dalamnya ada malam di mana amalan ibadat yang dilakukan pada malam itu lebih baik dan lebih besar ganjarannya daripada amalan selama seribu bulan. Sesiapa yang kehilangan malam itu sesungguhnya dia telah kehilangan semua kebaikan. Dan tidak akan kehilangan semua perkara itu kecuali orang yang telah diharamkan (tidak mendapat petunjuk) daripada Allah Subhanahu Wata'ala". (Riwayat Ibnu Majah)

Lailatulqadar akan muncul pada bulan Ramadan setiap tahun sebagai satu anugerah Ilahi dan rahmatnya yang hanya مخصوص kepada umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sahaja dengan lebih banyak ganjarannya.

Pada malam itu, Allah Subhanahu Wata'ala menurunkan rahmat, limpahan kurnia dan keampunan kepada hambanya yang melaksanakan ibadah puasa dengan penuh keimanan, mengharapkan keredaan serta menghiasi setiap detik kehidupan dengan amalan soleh.

Fadilat pada malam mulia itu akan menyinari orang yang benar-benar ikhlas, khusyuk dan istiqamah mempertahankan nilai keislaman dalam setiap tutur kata, perilaku, akhlak, ibadah dan aktiviti kehidupan seharian.

Hadirnya malam penuh berkat itu akan dinantikan dan disambut dengan penuh keyakinan dan keimanan supaya dilimpahi kenikmatan syurga, kebahagiaan abadi bersama golongan nabi, rasul, *siddiqin*, syuhada serta orang soleh.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam menganjurkan umatnya mendapatkan Lailatulqadar dengan melaksanakan iktikaf, membangunkan keluarga supaya meningkatkan amalan ibadah seperti Sembahyang Sunat Tarawih, Tahajud, Witir, membaca dan Tadarus Al-Quran serta berzikir kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Setiap Muslim juga dianjurkan bertaubat dan memohon ampun kepada Allah Subhanahu Wata'ala daripada sebarang kesalahan dan dosa selama menelusuri pentas kehidupan yang penuh berlaku ini. Manusia pada dasarnya tidak terlepas daripada kealpaan dan melakukan kesalahan yang dilarang Allah Subhanahu Wata'ala.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda, "Setiap anak Adam tidak akan terlepas daripada melakukan dosa dan sebaik-baik orang dalam kalangan yang berdosa itu ialah yang bertaubat kepada Allah". (Riwayat Tirmizi dan Ibnu Majah)

Justeru, wajar bagi setiap Muslim bermuhasabah segala amalan dan bertaubat kepada Allah biarpun sekecil mana kesalahan dilakukan. Peluang keemasan yang disediakan Allah Subhanahu Wata'ala sepanjang Ramadan khususnya Lailatulqadar perlu direbut dan dimanfaatkan sebaiknya kerana kita tidak mahu menyesal di kemudian hari, apatah lagi belum pasti kita berpeluang bertemu Ramadan tahun hadapan. - **Ketua Penyuntingan (Zk)**

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNGI AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

✉ pelita.brunei@information.gov.bn | ☎ 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 📠 2381004 | 🌐 www.pelitabrunei.gov.bn

تربیتکن اوله جابتن قنراغن، جابتن فردان منتري دان دجيتق اوله قرینت قلس سندی رین برحد، نکارا برونی

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

ANAK YATIM, KELUARGA DAIF TERUS TERIMA SUMBANGAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan derma kepada para penerima (kiri dan kanan).

Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman, yang juga merupakan salah seorang alumni penuntut Brunei di Singapura (Asrama Kerajaan Brunei di Singapura - AKBS).

Turut hadir bersama ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad selaku salah seorang Alumni AKBS.

Terdahulu itu, acara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai dipimpin oleh Awang Haji Md. Lazim bin Haji Matali, salah seorang Alumni AKBS penghantaran biasiswa 1966.

Kemudian, majlis diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran Surah Al-Baqarah, ayat



220 dan Surah An-Nisaa, ayat 36 oleh Awang Huzaifah bin Haji Hasbi, seorang anak yatim dan pemenang Kategori 'D' Menghafaz 15 Juzuk Al-Quran (Juz 1-15) Berserta Pemahaman 1445 Hijrah.

Setelah itu, majlis diselenggarakan dengan bacaan Tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Awang Haji Md. Lazim.

Majlis yang dianjurkan oleh Alumni Penuntut-penuntut Brunei di Singapura AKBS, bertujuan untuk membantu anak-anak yatim dan daif dalam membuat persediaan meraikan Aidilfitri

yang akan menjelang agar dapat mengurangkan bebanan perbelanjaan keperluan mereka.

Di samping itu, ia juga diadakan untuk memenuhi tanggungjawab sosial bagi membantu anak-anak yatim dan daif, selain mengumpulkan alumni penuntut-penuntut yang dahulu pernah bersama-sama belajar di Singapura bagi mengeratkan lagi hubungan silaturahim antara mereka.

Acara berkebajikan AKBS serupa ini telah diadakan hampir setiap tahun semenjak tahun 2015.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Seramai 75 penerima bantuan derma terdiri daripada 56 orang anak yatim dan 19 orang anak-anak dari golongan keluarga daif, menerima sumbangan derma pada Majlis Penyampaian Derma kepada Anak-anak Yatim dan Daif yang berlangsung di Dewan Masjid

Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyampaikan derma kepada para penerima ialah Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji

DANA terima sumbangan BND75,381



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II yang juga selaku Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah DANA semasa hadir pada Majlis Penerimaan Sumbangan bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (atas dan kiri).

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani

Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim (DANA) menerima sumbangan keseluruhan berjumlah BND75,381 daripada para dermawan daripada pelbagai pihak, hari ini.

Hadir pada Majlis Penerimaan Sumbangan bagi Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Tingkat 4, Kompleks Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini, ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof, yang juga selaku Pengerusi

Lembaga Pemegang Amanah DANA bagi pihak DANA.

Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II mula-mula menerima sumbangan daripada Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) yang diwakili oleh Timbalan Pengetua MDPAMB, Dayangku Zalina binti Pengiran Haji Aliuddin yang menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,460. Sumbangan tersebut merupakan 8 peratus kutipan daripada Acara Walkaton yang telah diadakan pada bulan November 2023.

Yang Berhormat kemudian menerima sumbangan daripada Alumni Sultan's Scholar diwakili oleh Naib Yang Dipertua Persatuan Alumni Sultan's Scholars, Dayang Hajah Hafizah binti Dato Paduka Haji Mohd. Nor yang menyampaikan sumbangan sebanyak BND1,170.

Diikuti dengan penyampaian sumbangan daripada Persatuan Fu Zhou Shiyi (Brunei) iaitu seramai 92 orang ahli-ahli yang terdiri daripada syarikat perniagaan dan individu persatuan yang berjumlah keseluruhannya sebanyak BND72,751.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian Pembangunan, Dr. Dayang Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak yang juga selaku Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif DANA.

DANA sangat menghargai sokongan dan derma daripada para dermawan bagi sama-sama membantu DANA dalam usahanya untuk mempertingkatkan kesejahteraan hidup anak-anak yatim di Negara Brunei Darussalam. Sementara itu, Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah ialah Sekretariat bagi DANA.



JPM ANJUR MAJLIS PENYAMPAIAN SUMBANGAN DERMA, SAMBUTAN NUZUL AL-QURAN



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II dan Yang Berhormat dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada Majlis Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1445 Hijrah (atas dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan jabatan-jabatan di bawahnya hari ini mengadakan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri dan Sambutan Nuzul Al-Quran bagi Tahun 1445 Hijrah bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan JPM.

Hadir selaku tetamu-tetamu kehormat pada majlis berkenaan, Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff; dan Menteri di JPM dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin

Abdullah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Ash-Shaliheen, Awang Haji Mohammad Izzat Izzuddin bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Emran.

Majlis diteruskan dengan Sesi Forum Khas yang bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh dua ahli panel, iaitu Penolong Profesor, Fakulti Usuluddin, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Awang Haji Ahmad Baha bin Haji Mokhtar; dan Penolong Kanan Profesor, Pusat Penyelidikan dan Pengajian Jawi dan Kitab Turath, Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri

Begawan (KUPU SB), Dr. Awang Haji Harapandi bin Dahri; manakala Pegawai Pelajaran, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Jaya bin Haji Metussin selaku Moderator.

Majlis kemudian diteruskan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, iaitu Surah Al-An'am, ayat 83 hingga 92 oleh Awang Ahmad Darwish bin Hamdan, pelajar Tahun 11, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) dan diikuti dengan bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai.

Majlis kemudian diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma sempena Hari Raya Aidilfitri yang disempurnakan oleh tetamu-tetamu kehormat majlis kepada 42 warga JPM dan jabatan-jabatan di bawahnya dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat.

Pada tahun ini, dua majlis diadakan secara serentak, iaitu Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran bagi memperingati kelebihan dalam menerapkan pembacaan Al-Quran dalam kehidupan seharian sebagai penunjuk jalan yang betul dalam meraih keberkatan, perlindungan dan rahmat dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Manakala, Majlis Penyampaian Sumbangan Derma sempena Hari Raya Aidilfitri diharapkan akan dapat membantu meringankan beban kewangan para penerima dan memberikan keceriaan dalam sama-sama menyambut Hari Raya Aidilfitri yang akan menjelang tiba tidak lama lagi.

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



Pendaratan jet pejuang Tentera Udara Amerika Syarikat

■ Siaran Akhbar : Kementerian Pertahanan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Kementerian Pertahanan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa lebih kurang 10 buah jet pejuang jenis F-16 Fighting Falcon kepunyaan Tentera Udara Amerika Syarikat berkemungkinan membuat pendaratan di Negara Brunei Darussalam melalui Pangkalan Tentera Udara Rimba.

Jet-jet pejuang berkenaan baru sahaja menamatkan eksekusi di rantau ini dan mungkin membuat perhentian di negara ini pada Rabu, 3 April 2024 untuk pengisian minyak pesawat sebelum meneruskan penerbangan pada hari yang sama.

Kementerian Pertahanan juga ingin menasihati kepada orang ramai supaya tidak berasa cemas di sepanjang ketibaan dan pelepasan jet-jet pejuang berkenaan sekiranya berlaku nanti.



SESI Forum Khas yang bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' (atas), manakala gambar kanan, bacaan Selawat Tafrijiyyah beramai-ramai.



PENTING

SILA LENGKAPKAN PROFIL PSCR 2.0 AWDA DENGAN BETUL DAN TERATUR

BARU



IMPAK PROFIL PSCR 2.0 YANG TIDAK LENGKAP

- ✗ Permohonan tidak akan diproses.
- ✗ Maklumat yang dihidangkan ke pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) adalah tidak lengkap atau tidak teratur.

Laman Utama > Dashboard Saya > Status Permohonan Kerja




DIANTARA SEBAB-SEBAB PROFIL PSCR 2.0 TIDAK LENGKAP / TERATUR

- ✗ Melengkapkan maklumat latar belakang pendidikan di ruang yang tidak betul. sebagai contoh: mengemaskini pendidikan menengah (O level) di pendidikan tinggi
- ✗ Tidak memuatnaik transkrip bagi sijil kelulusan yang tidak menyatakan bidang kelulusan. Sebagai contoh: Bachelor of Arts/Science/Education dan lain-lain
- ✗ Tidak melengkapkan Pengalaman Kerja Kerajaan dengan lengkap. memasukkan tangga gaji / tempoh perkhidmatan yang salah
- ✗ Tidak mengemaskini ruangan peperiksaan dan kursus bagi warga perkhidmatan awam.

⚠ Sila **sahkan** bahawa **maklumat** di dalam profil adalah **lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapi permohonan bagi jawatan yang dipohon.

✓ Memahami bahawa maklumat **profil yang tidak lengkap, kemaskini, betul dan teratur** semasa menghadapi permohonan jawatan kosong boleh mengakibatkan tidak menepati kelayakan seperti di dalam iklan, maka dengan sendirinya **permohonan tidak akan diproses**.



Kementerian Kesihatan bertahlil di Kubah Makam Diraja

Oleh : Wan Mohamad Sahran
Wan Ahmadi
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Kementerian Kesihatan juga tidak ketinggalan dalam sama-sama mengimarahkan bulan Ramadan Al-Mubarak ini dengan mengadakan Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong di sini.

Kira-kira 400 orang terdiri daripada ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan hadir pada majlis berkenaan.

Majlis berkenaan adalah khusus bagi ayahanda dan bonda serta anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah.

Mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa mengetuai rombongan Kementerian Kesihatan pada Majlis Bertahlil di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Bacaan Tahlil dan Doa dipimpin oleh Ketua Guru Ugama, Perkhidmatan Ugama,

Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS), Awang Haji Nor Asilin bin Haji Puting.

Majlis bertahlil adalah salah satu daripada aktiviti keagamaan

yang dianjurkan oleh Kementerian Kesihatan bersempena bulan suci Ramadan setiap tahun.

Dengan adanya keikhlasan warga Kementerian Kesihatan menghadiri

dan sama-sama membaca Tahlil serta Doa Arwah berkenaan dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala akan memperoleh keredaan dan keberkatan di bulan yang mulia ini.

AL-QURAN ADALAH UBAT, PENAWAR BAGI MANUSIA

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman



YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi (atas dan atas kanan).

BERAKAS, Isnin, 1 April. - Al-Quran merupakan mukjizat yang paling besar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Nuzul Al-Quran memberi maksud penurunan ayat-ayat suci Al-Quranul Karim sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam.

Bagi memuliakan dan menghayati peristiwa berkenaan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) serta jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Memperingati Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Kepada Anak-anak Yatim bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Setia Pahlawan, Bangunan KSSUP, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Sumber-

Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, Surah An-Nisa, ayat 36 hingga ayat 40 yang dibacakan oleh Awang Ahmad Darwish bin Hamdan, pelajar Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah.

Acara diserikan lagi dengan Ceramah Khas bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Antara inti pati ceramah berkenaan, beliau menggesa kita selaku umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam agar menghargai pengorbanan Baginda Rasulullah dengan melazimi membaca Al-Quran walaupun sedikit namun berterusan setiap hari, kerana membaca Al-Quran itu sendiri dikira sebagai satu ibadah.

Beliau seterusnya menjelaskan, siapa yang berdamping dengan Al-Quran, pasti akan terjaga dan sentiasa dalam perlindungan Allah



Subhanahu Wata'ala.

Tambahnya lagi, antara fadilat Al-Quran itu ialah menghindarkan kita daripada kefakiran, iaitu dengan mengamalkan Surah Al-Waqiah kerana Al-Quran juga adalah ubat dan penawar bagi manusia.

Bukan itu sahaja katanya, malam yang diturunkan Al-Quran menjadi malam yang terbaik daripada seribu bulan dan Al-Quran akan menjadi syafaat umat Islam di akhirat kelak.

Majlis diteruskan dengan penyampaian derma kepada 53 anak yatim daripada warga KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Majlis seumpama berkenaan merupakan aktiviti tahunan KSSUP serta jabatan-jabatan di bawahnya yang diadakan pada setiap tahun di bulan Ramadan

bertujuan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan yang mubarak di samping mendapatkan ganjaran pahala dan keberkatan daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Sambutan Nuzul Al-Quran terus disemarakkan



Oleh : Aimi Sani
Foto : Alishahrin Haji Mumin

BERAKAS, Selasa, 2 April. - Sambutan Nuzul Al-Quran terus disemarakkan oleh pelbagai pihak. Kementerian Kesihatan juga tidak ketinggalan dalam menyemarakkan

lagi Sambutan Nuzul Al-Quran 1445 Hijrah dengan mengadakan Majlis Khatam Al-Quran bagi para pegawai dan kakitangan di bawahnya yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian berkenaan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr.

YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran dan seterusnya menyampaikan derma kepada penerima (kiri dan kanan).

Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut. Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh tetamu kehormat dan disusuli dengan bacaan Takhtim beramai-ramai.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, Takhtim dan Doa Khatam serta laungan Dikir Marhaban. Majlis kemudiannya diikuti dengan penyampaian derma kepada 54 orang anak yatim disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Penerima-penerima derma terdiri daripada warga Kementerian Kesihatan dan jabatan-jabatan di bawahnya. Majlis diakhiri dengan Doa Selamat yang dibacakan



oleh Ketua Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang Haji Nor Asilin bin Haji Puting.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Timbalan Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan (Profesional), Dr. Ang

Swee Hui; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Dayang Siti Ajar binti Haji Yusop; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan. Majlis merupakan anjuran bersama Jabatan Perkhidmatan Kejururawatan dan Jabatan Perkhidmatan Kesihatan.

KOMITED KE ARAH MENINGKATKAN KUALITI KEHIDUPAN INDIVIDU AUTISME

>> Muka 1

"Secara keseluruhan, jumlah kanak-kanak yang didiagnos dengan autisme di Negara Brunei Darussalam ialah seramai 2,199 orang. Ini bermakna terdapat hampir 2,200 keluarga yang mempunyai anak autisme, yang mana kesemua mereka ini memerlukan sokongan dan keprihatinan dari semua lapisan masyarakat. Hampir kesemua kanak-kanak ini juga memerlukan sokongan dari segi pendidikan mereka di sekolah dan prasekolah," tambah Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, Perkembangan kanak-kanak autisme adalah sesuatu yang diberikan perhatian khusus di negara ini. CDC, Kementerian Kesihatan bukan saja menyediakan perkhidmatan pemantauan kesihatan secara regular, tetapi juga memberikan pelbagai perkhidmatan bagi menyokong perkembangan awal kanak-kanak autisme.

Di antara perkhidmatan yang diberikan, jelas Yang Berhormat, ialah Khidmat nasihat perubatan; Perkhidmatan Jurupulih Pertuturan; Pemulihan tertentu termasuk pemulihan anggota; Pemulihan cara kerja; Perkhidmatan penjagaan pergigian; Perkhidmatan program perkembangan awal (bagi persediaan prasekolah); Perkhidmatan Audiologi; Guru bagi kanak-kanak kurang pendengaran dan Perkhidmatan Psikologi.

Di samping itu, menurut Yang Berhormat lagi, CDC juga menyediakan Program Pendidikan bagi para ibu bapa mengenai autisme, yang mana berjalan seminggu sekali selama dua bulan bagi mereka yang anaknya baru didiagnos dengan autisme.

"Sementara itu, Negara Brunei Darussalam juga perlu bersedia untuk menyokong dan memberi keprihatinan terhadap individu dengan autisme kerana autisme adalah kondisi seumur hidup.

"Kesemua individu autisme juga akan meningkat tua kerana secara umumnya mereka mempunyai jangka hayat yang sama dengan

orang yang tidak mengalami autisme.

"Oleh yang demikian, sokongan padu adalah sangat diperlukan daripada semua lapisan masyarakat termasuk sekolah-sekolah dan institusi pendidikan, institusi pekerjaan, rakan sekerja, majikan dan juga *stakeholders* yang lain termasuk pertubuhan bukan kerajaan (NGO), penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan lain-lain.

"Semua ini adalah amat penting untuk meningkatkan kesedaran mengenai autisme dan memastikan kesemua individu yang berkelainan upaya diberikan peluang yang saksama untuk meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka," tegas Yang Berhormat.

Apa yang dihasratkan, jelas Yang Berhormat, adalah bagi semua individu autisme mendapat kehidupan yang berkualiti tinggi dan peluang yang sama dengan orang lain dari segi pencapaian pendidikan, pekerjaan dan kesemua aspek kehidupan sepanjang hayat mereka.

"Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada agensi-agensi rakan seperti Kementerian Pendidikan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, serta persatuan-persatuan dan institusi bukan kerajaan yang mana juga turut menyumbang ke arah perkhidmatan-perkhidmatan bagi individu autisme dan yang berkelainan upaya bagi membantu memastikan kesejahteraan mereka dari pelbagai aspek," tambah Yang Berhormat.

Terdahulu, Yang Berhormat Menteri Kesihatan dalam perutusannya berkata, Hari Kesedaran Autisme Sedunia disambut pada setiap 2 April dengan tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti kehidupan individu autisme. Sambutan ini juga berperanan untuk menekankan lagi betapa pentingnya kita mengambil kira hak asasi kesemua individu

yang berkelainan upaya dan memberikan mereka peluang yang saksama bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka dari semua aspek sepanjang hayat mereka.

"Bagi tahun 2024, Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu (United Nations) telah memilih 'Kesedaran, Penerimaan dan Penghargaan : Beralih dari Hanya Bertahan kepada Berkembang Maju (Awareness, Acceptance and Appreciation : Moving from Surviving to Thriving)' sebagai tema sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia 2024," kata Yang Berhormat.

Dalam perutusan tersebut, Yang Berhormat menjelaskan, autisme ialah keadaan neurologi sepanjang hayat yang bermula pada peringkat awal kanak-kanak dan boleh berlaku dalam kalangan semua jantina, bangsa dan status sosioekonomi.

Keadaan variasi neurologi ini mengubah perkembangan seseorang daripada *typical* kepada bukan *typical* dan boleh memberi impak kepada individu autisme tersebut dari segi pembelajaran, kehidupan berkeluarga, peluang pekerjaan, kebolehan individu tersebut untuk berdikari dan sebagainya. Autisme bukanlah sejenis penyakit yang boleh dirawat dengan ubat-ubatan.

Diagnosis bagi individu autisme biasanya dibuat antara umur 2 hingga 3 tahun. Istilah Spektrum Autisme (Autism Spectrum) adalah merujuk kepada pelbagai ciri atau karakteristik.

Di antara ciri atau karakteristik yang ada pada individu autisme ialah keunikan dari segi mereka berkomunikasi dan berinteraksi secara sosial atau *social interaction* dan keunikan dari segi tingkah laku, minat dan aktiviti.

Disebabkan oleh kedua karakteristik ini, jelas Yang Berhormat, individu autisme selalunya menggunakan kaedah atau cara pembelajaran yang berlainan, lebih selesa untuk melakukan sesuatu perbuatan secara rutin dan sukar untuk menerima perubahan terhadap rutin mereka; mendapati tatacara

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Kementerian Kesihatan

komunikasi yang tipikal (*typical*) mencabar; dan mempunyai cara tersendiri untuk memproses maklumat sensori.

"Mengambil kira akan pelbagai cabaran kehidupan bagi setiap individu autisme yang mungkin tidak disedari oleh masyarakat, sokongan yang sesuai dan penerimaan variasi neurologi adalah sangat penting bagi memberi peluang yang saksama dan penyertaan penuh bagi mengubah kehidupan individu autisme ini ke tahap yang lebih baik," tegasnya.

Di seluruh dunia, tambah Yang Berhormat, kadar autisme adalah tinggi dan semakin meningkat. Pusat Kawalan Penyakit dan Pencegahan (Centers for Disease Control and Prevention) di Amerika Syarikat menganggarkan bahawa 1 dalam 36 orang (2.8%) kanak-

kanak berumur lapan tahun telah dikenal pasti mengalami autisme. Kadar ini menunjukkan kenaikan daripada anggaran sebelum ini, di mana pada tahun 2018, autisme dikenal pasti pada 1 dalam 44 orang kanak-kanak (2.3%).

Dalam mengakhiri perutusannya, Yang Berhormat Menteri Kesihatan berkata, Sambutan Hari Kesedaran Autisme Sedunia ini juga memainkan peranan untuk meraikan pencapaian yang mampu diperoleh oleh setiap individu autisme serta memberi harapan agar kita semua akan lebih prihatin terhadap keperluan, keunikan, keistimewaan dan cabaran yang dialami oleh individu-individu autisme agar Negara Brunei Darussalam akan menjadi sebuah negara yang lebih inklusif dan penyayang.



AUTISME ialah keadaan neurologi sepanjang hayat yang bermula pada peringkat awal kanak-kanak dan boleh berlaku dalam kalangan semua jantina, bangsa dan status sosioekonomi.



CERAMAH KHAS MENGIMARAHKAN NUZUL AL-QURAN

YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi Peringkat Kementerian Pendidikan Tahun 1445H / 2024M.

Bangunan Baharu, Kementerian Pendidikan, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Ketua Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Ramey bin Haji Salleh.

Acara kemudian diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Majlis tersebut merupakan salah satu aktiviti tahunan Kementerian Pendidikan dalam sama-sama memperingati peristiwa bersejarah berkenaan dengan turunnya ayat-ayat pertama kitab suci Al-Quran Al-Karim kepada Baginda Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai serta kakitangan Kementerian Pendidikan.

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Teknologi Maklumat dan

Komunikasi dan Pusat Pembelajaran Sepanjang Hayat mengadakan Majlis Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran bagi Peringkat Kementerian Pendidikan Tahun 1445H / 2024M di Dewan Utama,

Harga runcit komoditi makanan utama terpilih kini tersedia

Sila muat turun

PenggunaBijak

Available on the App Store | Get it on Google play



CERAMAH Khas bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhammad Najib bin Haji Awang.

Sambutan Nuzul Al-Quran semarakkan bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi pada hari ini bertempat di Dewan Amar Pahlawan, Bangunan MTIC. Majlis dikelolakan oleh Jabatan Perkhidmatan Pos.

Hadir pada majlis berkenaan, Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dari Surah Al-Baqarah, ayat 185 hingga 186 oleh Pegawai Pendidikan Ugama, Sekolah Menengah Arab Laki-laki Hassanah Bolkiah, Pengiran Muhammad Amirul Aiman bin Pengiran Haji Marjuki.

Majlis juga diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan

oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa.

Majlis diteruskan lagi dengan penyampaian sumbangan derma kepada 35 anak yatim yang terdiri daripada kalangan ahli-ahli keluarga warga MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.

Majlis berkenaan merupakan salah satu aktiviti keagamaan kementerian bersempena bulan Ramadan dalam sama-sama memperingati peristiwa agung Nuzul Al-Quran, iaitu peristiwa turunnya ayat-ayat Al-Quran yang pertama kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala, di samping menambah kesedaran dalam menyantuni anak-anak yatim serta mengeratkan lagi hubungan silaturahim warga MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



CERAMAH Khas disampaikan oleh Ketua Unit Da'wah Daerah Belait, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muskrisman Safari bin Haji Mustafa.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua eksekutif, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan MTIC dan jabatan-jabatan serta agensi-agensi pihak berkuasa di bawahnya.



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menyampaikan sumbangan kepada penerima (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir pada majlis berkenaan.



MAJLIS KEAGAMAAN SEMARAK BULAN RAMADAN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Azmah Haji Ahad

BERAKAS, Selasa, 2 April. - Sepuluh hari terakhir Ramadan terus disemarakkan dengan acara-acara keagamaan demi merebut keberkatan dan meraih ganjaran pahala berlipat ganda daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan Jabatan Belia dan Sukan tidak ketinggalan mengunghayahkan Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kewangan kepada Anak-anak Yatim Pegawai dan Kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445H / 2024M bertempat di Dewan Digadong, KKBS, di sini.

Majlis ini diadakan bagi memperingati Nuzul Al-Quran yang merupakan salah satu acara kebesaran Islam yang lazim diraikan di negara ini. Majlis juga diselenggarakan dengan Majlis Khatam Al-Quran bagi meraikan warga KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang telah menamatkan Tadarus yang dijalankan sepanjang bulan Ramadan dan seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada anak-anak yatim pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-

jabatan di bawahnya.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad. Atur cara majlis didahului dengan Khatam Al-Quran dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dikepalai oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Majlis diteruskan dengan Dikir Marhaban oleh pegawai dan kakitangan KKBS serta bacaan Takhtim dan bacaan Tahlil diketuai oleh i-Ready Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Pembangunan Belia, Awang Muhammad Irfan bin Haji Aliakbar dan Awang Abdul Muazzam Azri bin Zulkifli.

Majlis diserikan lagi dengan Ceramah Nuzul Al-Quran bertajuk, 'Al-Quran Pedomanku' yang disampaikan oleh Penolong Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Pengiran Haji Reduan bin Pengiran Haji Badaruddin.

Beliau antara lain menggariskan bahawa Al-Quran yang dibaca merupakan satu ibadah dan akan menjadi syafaat buat umat Islam di akhirat kelak. Ramadan



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran, Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Sumbangan Derma Kewangan kepada Anak-anak Yatim Pegawai dan Kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya bagi Tahun 1445H / 2024M.

pula tambah beliau adalah bulan Al-Quran dan tidak ada keraguan di dalam Al-Quran, walau apa pun cara manusia untuk mengubah Al-Quran pasti tidak akan berjaya.

Jelasnya lagi, mereka yang kurang mahir dalam membaca Al-Quran perlu berusaha untuk belajar Al-Quran kerana Al-Quran itu sendiri adalah ubat bagi hati. Untuk itu, beliau menggesa semua umat Islam agar jangan terlambat untuk mempelajari Al-Quran.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan derma kewangan kepada 22 orang anak yatim pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dipimpin oleh Awang Muhammad Irfan.

Hadir sama ke majlis

berkenaan ialah Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan; Setiausaha Tetap (Kemasyarakatan) KKBS, Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari; Setiausaha Tetap (Kebudayaan) KKBS, Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin; pengarah-pengarah bahagian dan jabatan; pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Kongsi rezeki, ceriakan golongan kurang berkemampuan menjelang Aidilfitri



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran (atas), manakala gambar kanan, Yang Berhormat dan Tuan Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam menyampaikan sumbangan kepada para penerima.

BENGKURONG, Isnin, 1 April. - Pada menjelang Hari Raya Aidilfitri yang bakal tiba, anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal dan golongan kurang berkemampuan tetap menjadi tumpuan utama semua pihak di negara ini termasuk pihak kerajaan, swasta mahupun badan-badan NGO bagi sama-sama berkongsi rezeki dan meraih manfaat serta ganjaran yang besar dari Allah Subhanahu Wata'ala lebih-lebih lagi di bulan suci Ramadan ini.

Keceriaan itu jelas terlihat pada seramai 61 penuntut Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam yang terdiri daripada 13 anak yatim, 47 orang kurang berkemampuan dan seorang balu dari pusat berkenaan yang menerima sumbangan derma masing-masing pada majlis yang diadakan di Surau Pusat Ehsan, di

sini, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Juga hadir sama pada majlis tersebut, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo, dan Pemegang Amanah Kesihatan Pusat Ehsan, Dato Paduka Dr. Awang Haji Affendy bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Terdahulu acara dimulakan dengan Majlis Khatam Al-Quran bacaan 30 juz oleh peserta khatam terdiri daripada individu dengan kelainan upaya dan kakitangan pusat berkenaan, diikuti dengan bacaan Takhtim, Tahlil dan bacaan

Doa Khatam yang dibacakan oleh Ketua Guru Ugama Pusat Ehsan, Awang Sanif bin Haji Tarip.

Majlis juga turut diserikan dengan Dikir Marhaban dipimpin oleh tenaga-tenaga Pengajar Lelaki pusat berkenaan diikuti dengan pengagihan bunga telur kepada para peserta khatam oleh tetamu kehormat majlis.

Dalam pada itu acara juga turut diselenggarakan dengan penyampaian sumbangan kepada Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam oleh para penaja.

Sumbangan mula-mula diterima daripada Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Rakyat China ke NBD, Tuan Yang Terutama Xiao Jianguo yang menyumbangkan sebanyak BND5,000.

Seterusnya, First Emporium and Supermarket menyumbangkan

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman



sebanyak BND4,038; Pertama Department Store dengan jumlah sumbangan BND2,225; Samima Sdn. Bhd. menyumbang sebanyak BND1,000; Halimons Sdn. Bhd. dengan sumbangan sebanyak BND1,000; Sifana Sdn. Bhd. menyumbangkan sebanyak BND1,000; serta Syarikat TSM Sdn. Bhd. dengan sumbangan sebanyak BND600.

Manakala Orbit Supermarket Sdn. Bhd., TM Majeed Supermarket Kilanas, Atlanta Supermarket Sdn. Bhd. Kampung Katimahar, dan Pustaka Remaja masing-masing memberikan sumbangan sebanyak BND500; Michael Sii Tuong Jie menyumbang sebanyak BND150; dan Benny Sii Tuong Kai memberikan sumbangan sebanyak BND150.

Sejurus itu majlis diteruskan dengan anak-anak yatim, orang kurang berkemampuan dan ibu tunggal masing-masing menerima sumbangan dan derma yang dihulurkan oleh tetamu kehormat dan isteri, Ahli-ahli Lembaga Pemegang Amanah dan para penaja.

Sumbangan ini bagi sama-sama memberikan keceriaan pada wajah insan-insan istimewa ini, selain dapat membantu meringankan tanggungjawab harian mereka dalam membuat persiapan lebih-lebih lagi menjelang Aidilfitri yang bakal tiba.

Bagi memohon keberkatan Allah Subhanahu Wata'ala, Doa Selamat dibacakan oleh Ketua Guru Ugama Pusat Ehsan, Awang Sanif.

AMALKAN PEMBACAAN AL-QURAN SEBAGAI AMALAN HIDUP SEHARIAN



YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Datin semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran bagi residen / penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERIBEGAWAN, Selasa, 2 April. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) dengan kerjasama Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran bagi residen / penghuni Kompleks Rumah Kebajikan (KRK) yang turut disertai oleh pegawai dan kakitangan JAPEM sempena Nuzul Al-Quran Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi di Dewan An-Naura, YSHHB.

Seramai 34 pegawai dan kakitangan JAPEM menyertai majlis khatam berkenaan yang terdiri daripada 19 peserta lelaki dan 15 peserta perempuan.

Manakala residen / penghuni KRK pula disertai oleh enam peserta lelaki dan 13 peserta perempuan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin

Haji Awang Mohamad dan Datin.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan diteruskan dengan bacaan Al-Quran, Takhtim dan Doa Khatam secara beramai-ramai.

Majlis juga diserikan dengan Dikir Marhaban dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat Terhindar Daripada Wabak COVID-19 dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam serta Sayyidul Istighfar.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Pembangunan Masyarakat



Majlis yang diadakan pada hari ini bertujuan untuk menyemarakkan bulan Ramadan dengan pengisian-pengisian yang bermanfaat di samping untuk memantapkan mutu bacaan Al-Quran serta mendidik penghuni dan residen agar sentiasa membaca, mencintai dan mendengar Al-Quran sebagai amalan hidup seharian.

Juga hadir ialah Setiausaha Tetap (Perancangan, Guna Tanah dan Alam Sekitar) di Kementerian

Pembangunan, Dr. Dayang Nor. Imtihan binti Haji Abdul Razak, selaku Pemangku Pengarah Urusan YSHHB; Setiausaha-setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS); Timbalan Setiausaha Tetap, KKBS; ketua-ketua jabatan di bawah KKBS; dan Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis.



MINDA PEMBACA

Waspada dosa, pahala di hujung jari

A GAMA Islam menekankan pentingnya persaudaraan dan kasih sayang antara sesama insan. Panduan dan bimbingan agama ini menekankan untuk menjaga hubungan ukhuwah dan mahabbah dengan menghindari menyakiti orang lain melalui kata-kata dan perbuatan. Manusia diberi panca indera seperti lidah dan tangan untuk melakukan ibadah kepada Allah dan berbuat baik kepada makhluk lain. Oleh itu, umat Islam harus berhati-hati agar tidak melakukan dosa, terutama melalui penggunaan panca indera seperti jari dan tangan untuk menyebarkan fitnah dan keaiban.

Budaya internet dan media sosial yang semakin pesat berkembang memberikan

kemudahan dalam berinteraksi dan mengakses informasi. Namun, hal ini juga membawa cabaran kerana dapat disalahgunakan untuk tujuan yang tidak baik. Penggunaan media sosial dengan niat yang betul dapat membawa manfaat dan kesejahteraan tetapi jika disalahgunakan, ia akan membawa kepada perkara yang sia-sia dan merugikan.

Sebagai pengguna yang bijak dan bertanggungjawab, ada beberapa perkara perlu kita jaga ketika kita berkomunikasi dan berinteraksi di dalam media sosial ini, antaranya, pertama: menyampaikan yang baik iaitu menggunakan media sosial itu sebagai wahana atau saluran bagi berkomunikasi

maklumat dan perkara-perkara yang baik.

Kedua: sentiasa mengamalkan tabayyun ataupun budaya semak sebelum sebar kerana dikhuatiri informasi, berita dan maklumat yang dikongsikan itu adalah palsu dan tidak benar. Ketiga: Menjaga tutur bicara dan menjaga perkataan iaitu dengan sentiasa memastikan bahawa setiap perkataan yang kita lafazkan ataupun kata-kata yang kita tulis itu ialah sesuatu yang elok, baik dan betul dan akhir sekali menjaga batas pergaulan dalam media sosial.

Sebagai umat Islam, kita hendaklah sentiasa menjaga batas-batas pergaulan ataupun perbualan dengan yang bukan

mahram bagi mengelakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan fitnah dan kemudharatan kemudian hari.

Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi diri kita daripada melafazkan tutur kata dan melindungi diri kita daripada melakukan tingkah laku yang boleh mengundang dosa dan kemurkaan Allah Subhanahu Wata'ala. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

Nama: Siti Aishah Mu'izzah binti Awang Mahani
No. K/P: 01-062XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Kepentingan Persiapan Kewangan Untuk Hari Tua'. Tarikh Tutup : 3 April 2024
2. 'Jangan Pandang Ringan Kesihatan Mental'. Tarikh Tutup : 10 April 2024
3. 'Membangun Masyarakat Bebas Rasuah'. Tarikh Tutup : 17 April 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui

E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

ZAKAT fitrah wajib ke atas setiap individu yang mencukupi syarat, iaitu beragama Islam, mempunyai harta yang lebih daripada nafkah dirinya, nafkah orang-orang yang wajib ditanggungnya termasuk perbelanjaan keperluan seperti pakaian, tempat tinggal, pembantu rumah dan nafkah binatang peliharaan pada malam dan siang Hari Raya Fitrah serta hidup pada akhir Ramadhan dan awal Syawal.

Individu yang wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya juga wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk orang-orang yang wajib diberikannya nafkah disebabkan pemilikan, kerabat ataupun pernikahan. Hal ini sebagaimana yang disebut oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*:

Ertinya: Dan sesiapa yang wajib ke atasnya (mengeluarkan zakat) fitrahnya iaitu fitrah dirinya, wajib (juga) ke atasnya (mengeluarkan zakat) fitrah orang yang wajib diberikannya nafkahnya dengan (sebab) pemilikan atau kerabat atau perkahwinan, iaitu jika mereka itu orang-orang Islam.

Oleh yang demikian, dapat difahami daripada *nash* di atas bahawa bagi anak yang ditanggung nafkahnya oleh bapa kandungnya, zakat fitrahnya adalah juga tertanggung ke atas bapa kandungnya itu.

Menyentuh mengenai kewajipan mengeluarkan zakat fitrah anak ini, antara perkara yang menjadi kemusykilan di kalangan orang awam ialah mengenai zakat fitrah anak tiri. Adakah ia masih menjadi kewajipan bapa kandung jika ibu kepada

Zakat Fitrah Anak Tiri

anak tersebut bernikah lagi atau adakah kewajipan tersebut berpindah kepada bapa tirinya? Irsyad Hukum kali ini akan menjelaskan mengenainya.

Sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini, kaedah bagi menentukan ke atas siapa diwajibkan mengeluarkan zakat fitrah menyatakan bahawa seseorang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya, adalah juga wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk orang yang wajib diberikannya nafkah disebabkan pemilikan, kerabat ataupun pernikahan.

Apabila melihat perkaitan antara anak tiri dengan bapa tiri, hubungan mereka tidak terikat dengan mana-mana ikatan sama ada pemilikan, kerabat ataupun pernikahan. Bahkan menurut Kamus Dewan, pengertian tiri itu sendiri bermaksud anak, bapa atau ibu yang tidak ada perhubungan darah, iaitu bukan anak, bapa atau ibu sendiri. Oleh yang demikian, tidak wajib ke atas bapa tiri memberikan nafkah kepada anak tirinya dan dengan sendirinya juga, bapa tiri tidak wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk anak tirinya tersebut.

Ini menunjukkan bahawa kewajipan mengeluarkan zakat fitrah bagi anak tiri tidak berpindah kepada bapa tiri dengan hanya sabit berlakunya perkahwinan ibu dengan lelaki lain (bapa tiri kepada anak). Sebaliknya, kewajipan tersebut tetap tertanggung ke atas bapa kandungnya. Hatta selepas penceraian, jika bekas suami menyuruh bekas isteri menyusukan anak mereka, maka wajib ke atas bekas suami tersebut memberi upah kepada bekas isterinya itu. Allah *Subhanahu wa Ta'ala* berfirman:

Tafsirnya: Kemudian jika mereka menyusukan anak kamu maka berilah mereka upah.

(Surah ath-Thalaq: 6)

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa keadaan yang menyebabkan zakat fitrah anak tiri itu tidak wajib ditanggung oleh bapa kandungnya seperti keadaan berikut:

1. Bapa kandung kepada anak tiri itu hanya mampu mengeluarkan zakat fitrah untuk seorang sahaja. Dalam keadaan ini, bapa kandung kepada anak tiri tersebut hanya wajib mengeluarkan zakat fitrah untuk dirinya sahaja. Jika zakat fitrah itu dikeluarkan juga untuk selain dirinya, maka tidak sah zakat fitrah tersebut.

Hal ini kerana zakat fitrah itu wajib dikeluarkan untuk diri sendiri terlebih dahulu, kemudian jika masih terdapat lebih harta, barulah dikeluarkan bagi orang-orang yang di bawah tanggungannya dengan mengikut urutan sebagaimana maksud hadits daripada Jabir bin 'Abdullah *Radhiallahu 'anhuma*, Rasulullah *Shallallahu 'alaihi*

wasallam bersabda:

Maksudnya: Mulailah dengan dirimu sendiri (terlebih dahulu), maka bersedekahlah ke atasnya (dirimu sendiri), maka jika berlebih sesuatu (dari keperluan dirimu), maka untuk keluargamu (isteri dan anak-anak), maka jika berlebih (lagi) sesuatu dari (nafkah) keluargamu, maka untuk kerabatmu.

(Hadits riwayat Muslim)

2. Bapa kandung kepada anak tiri itu meninggal dunia. Dalam keadaan ini, kewajipan mengeluarkan zakat fitrah anak tiri tersebut berpindah kepada ahli kerabatnya yang terdiri daripada *ushul* (asal) keturunannya mengikut urutan sepertimana yang ditetapkan oleh syara' iaitu, bermula daripada bapa kandung, kemudian datuk sebelah bapa (bapa kepada bapa) hingga ke atas, kemudian ibu kandung dan seterusnya.

3. Anak tiri itu kaya sekalipun dia masih kecil, atau sudah baligh tetapi gila, atau sudah baligh tetapi belum *rasyid* (belum mampu mengurus harta serta ugamanya dengan baik). Dalam hal ini, zakat fitrah anak tiri tersebut wajib dikeluarkan oleh walinya (pengurus hartanya) menggunakan harta anak itu sendiri.

Walau bagaimanapun, sekiranya zakat fitrah anak tiri yang kaya itu dikeluarkan oleh bapa kandungnya menggunakan hartanya (bapa kandung), maka hukumannya adalah harus dan gugur kewajipan zakat fitrah bagi anak tersebut. Pembayaran zakat fitrah anak kecil yang kaya dan anak yang sudah baligh yang kaya tetapi gila atau belum *rasyid* ini tidak memerlukan keizinan daripada mereka.

4. Anak tiri itu sudah baligh, berakal, *rasyid* (mampu mengurus harta serta ugamanya dengan baik) dan mempunyai harta atau berupaya mencari pendapatan sendiri. Dalam keadaan ini, tidak wajib ke atas bapa kandung anak tiri tersebut mengeluarkan

zakat fitrah untuk anaknya itu kerana nafkah anak tersebut tidak lagi wajib ditanggung oleh bapa kandungnya.

Walau bagaimanapun, bagi anak tiri yang baligh, berakal dan mempunyai harta atau yang berupaya mencari pendapatan sendiri, harus juga bagi bapa kandung anak tiri tersebut mengeluarkan zakat fitrah untuk anaknya sebagai *bertabarru'* (bersedekah) dengan syarat sudah mendapat izin daripadanya.

Bapa Tiri Mengeluarkan Zakat Fitrah Anak Tiri

Kewajipan mengeluarkan zakat fitrah anak tiri adalah tertanggung ke atas bapa kandung, bukan bapa tiri. Walau bagaimanapun, sekiranya bapa tiri ingin mengeluarkan zakat fitrah anak tirinya dengan menggunakan hartanya (bapa tiri), maka harus bagi bapa tiri tersebut mengeluarkan zakat fitrah anak tirinya dengan syarat dia hendaklah meminta izin terlebih dahulu daripada bapa kandung anak tirinya atau wali anak tirinya (pengurus hartanya) atau daripada anak tirinya jika anak tirinya itu sudah mampu menanggung nafkahnya sendiri kerana bapa tiri itu tidak ada perhubungan darah dengan anak tirinya dan tidak ada kewajipan menanggung nafkahnya.

Menurut Asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah*, tidak harus bagi seseorang itu mengeluarkan zakat fitrah orang yang bukan di bawah tanggungannya melainkan dengan izinnya. Sekiranya dikeluarkan juga zakat fitrah orang yang bukan di bawah tanggungannya tanpa izinnya, maka kewajipan zakat fitrah orang tersebut tetap tidak gugur kerana ia merupakan suatu ibadah yang perlu kepada niat orang yang dipertanggungjawabkan ibadah tersebut.

Demikian penjelasan mengenai zakat fitrah anak tiri.

KEWAJIPAN mengeluarkan zakat fitrah anak tiri adalah tertanggung ke atas bapa kandung, bukan bapa tiri. Walau bagaimanapun, sekiranya bapa tiri ingin mengeluarkan zakat fitrah anak tirinya dengan menggunakan hartanya (bapa tiri), maka harus bagi bapa tiri tersebut mengeluarkan zakat fitrah anak tirinya dengan syarat dia hendaklah meminta izin terlebih dahulu daripada bapa kandung anak tirinya atau wali anak tirinya (pengurus hartanya) atau daripada anak tirinya jika anak tirinya itu sudah mampu menanggung nafkahnya sendiri kerana bapa tiri itu tidak ada perhubungan darah dengan anak tirinya dan tidak ada kewajipan menanggung nafkahnya.

منوجو كريضاءن الله

MENUJU KEREDAAAN ALLAH

كلولان قوسة دعوه اسلاميه

PADA saat-saat menjelang Hari Raya Aidilfitri ini, Allah telah mensyariatkan suatu ibadah sebagai penyempurna ibadah puasa Ramadan, iaitu Zakat Fitrah.

Zakat Fitrah diwajibkan oleh Allah *Subhanahu Wata'ala* kepada orang Islam sebagai penebus jiwa daripada dosa dan kesalahan yang mereka lakukan.

Zakat Fitrah adalah satu ibadah wajib yang mesti dilakukan oleh setiap orang Islam sama ada lelaki atau perempuan, kanak-kanak atau dewasa. Para *Fuqaha'* menyebutkan, Zakat Fitrah boleh dilakukan mulai 1 Ramadan oleh setiap orang Islam yang sempat hidup pada hari terakhir Ramadan sehingga malam 1 Syawal sebelum mendirikan Sembahyang Sunat Aidilfitri. Wajibnya pengeluaran Zakat Fitrah itu memang sudah jelas sebagaimana dalam sebuah hadis oleh Imam Al-Bukhari

Kewajipan Zakat Fitrah

dalam kitab shahihnya meriwayatkan daripada Ibnu 'Umar *Radhiallahu 'anhuma* berkata yang maksudnya :

"*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam* telah memfardukan Zakat Fitrah (di bulan Ramadan), satu gantang dari tamar atau satu gantang dari gandum ke atas hamba sahaya, orang merdeka, laki-laki, perempuan, kanak-kanak, orang tua dari segenap orang Islam, dan memerintahkannya untuk menunaikannya sebelum manusia mengerjakan sembahyang (Sembahyang Sunat Hari Raya Aidilfitri)".

Kefarduan zakat itu sebenarnya banyak mengandungi rahsia dan hikmahnya sebagaimana juga dengan ibadah puasa. Di antara hikmah tersebut ialah untuk menampal kekurangan-kekurangan yang berlaku ketika berpuasa yang mungkin dilakukan dengan tidak diketahui atau tidak disenghajakan seperti terlanjur mengeluarkan kata-kata yang kurang baik, atau melakukan perbuatan-perbuatan yang dilarang oleh agama, umpamanya mengumpat, memaki orang, melihat perkara-perkara maksiat dan sebagainya, semua ini adalah perbuatan

yang boleh merosakkan ibadah puasa atau boleh mengurangkan pahala puasa bahkan kadang-kadang boleh menyebabkan puasa itu menjadi sia-sia. Imam Abu Daud dalam kitab sunannya meriwayatkan daripada Ibnu 'Abbas *Radhiallahu 'anhuma*, ia berkata yang maksudnya :

"*Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam* telah memfardukan Zakat Fitrah untuk membersihkan orang yang berpuasa dari segala perkataan-perkataan keji dan buruk (yang ia lakukan dalam masa ia berpuasa) serta sebagai pemberian makanan untuk orang-orang miskin".

Zakat Fitrah mempunyai kedudukan yang sangat penting, kerana dengan Zakat Fitrah itu jiwa setiap Muslim disucikan, pahala orang yang berpuasa diberikan dan orang fakir merasakan kebahagiaan, serta hubungan harmonis antara yang kaya dan yang miskin dapat diciptakan.

Sesungguhnya Hari Raya adalah hari untuk umat Islam bergembira. Gembira kerana menyambut kemenangan mendidik dan melawan hawa nafsu dengan berpuasa

Ramadan. Dengan menunaikan Zakat Fitrah, Allah sebenarnya ingin mengajar kita agar kegembiraan dan kemenangan Aidilfitri ini dikongsi bersama oleh umat Islam di sekeliling kita. Justeru, Allah mewajibkan kita agar mengeluarkan sedikit harta yang dimiliki untuk dikongsi bersama golongan fakir dan miskin supaya mereka dapat meraikan Aidilfitri yang mulia bersama-sama.

Bayangkan, betapa mulianya hati orang yang mengeluarkan Zakat Fitrah kerana sanggup mengeluarkan sebahagian daripada hartanya kepada orang fakir dan miskin semata-mata untuk mengharap keredaan dan keampunan Allah *Subhanahu Wata'ala*. Dengan zakat itu juga, ia beroleh pahala yang berlipat kali ganda. Bayangkan pula, betapa gembiranya orang-orang fakir dan miskin, kerana mereka dapat membeli pakaian, makanan dan keperluan untuk menyambut Aidilfitri dengan sumbangan Zakat Fitrah yang ditunaikan oleh saudara Islamnya yang lain.

Inilah sifat mulia yang diajar oleh Islam kepada umatnya. Mereka adalah umat yang saling bersatu padu dan bekerjasama dalam apa jua keadaan, sama ada susah mahupun senang.

AKTIVITI BERKEBAJIKAN IMARAHKAN BULAN RAMADAN

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid



YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, selaku Penasihat Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampung Manggis / Madang hadir pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (kanan), manakala gambar atas, antara yang hadir pada majlis tersebut.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit (SSBRPAD), Kampung Manggis / Madang mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak-anak Yatim bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi. Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos selaku Penasihat Takmir Masjid SSBRPAD. Setelah itu, majlis disusuli dengan bacaan Khatam Al-Quran beramai-ramai oleh para peserta khatam, diikuti dengan bacaan Takhtim dan Tahlil. Bacaan Doa Khatam dipimpin oleh Bilal Masjid



SSBRPAD, Awang Razman bin Haji Ramlee, manakala bacaan Doa Selamat serta Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, dipimpin oleh Imam masjid tersebut, Awang Muhammad Khaizuran Amali bin Haji Kamsani. Pada majlis tersebut, Yang Mulia Dato Seri Paduka

Awang Mohammed Riza juga menyempurnakan penyampaian derma kepada 16 anak yatim, terdiri daripada penduduk Kampung Manggis dan Kampung Madang. Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak Yatim itu adalah inisiatif tahunan Masjid SSBRPAD bagi mengimarahkan bulan

Ramadan, di samping membantu meringankan beban golongan yang memerlukan, khususnya menjelang Sambutan Aidilfitri. Turut hadir, Penaung Masjid SSBRPAD, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.



YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Seluruh Negara sempena Tadarus Al-Quran di Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Mohd. Said

JERUDONG, Isnin, 1 April. - Majlis bertadarus di masjid-masjid seluruh negara giat dilaksanakan bagi memeriahkan lagi suasana bulan Ramadan yang مبارak dan penuh keberkatan ini. Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama



SUASANA Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Seluruh Negara yang berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong (atas dan kanan).

Suntik semangat cintakan kitab suci Al-Quran

(KHEU) dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam petang tadi mengendalikan Majlis Khatam Al-Quran Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid Seluruh Negara sempena Tadarus Al-Quran di Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi berlangsung di Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Kampung Jerudong. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan. Turut hadir, Setiausaha Tetap, KHEU, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Profesor Madya Dr. Awang Haji Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan), KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim. Majlis bermula dengan bacaan

Surah Al-Fatihah dipimpin oleh tetamu kehormat majlis, diikuti dengan bacaan Surah-surah Khatam yang diketuai oleh Ahli Jawatankuasa (AJK) Tertinggi Kumpulan Belia dan Beliawanis Masjid. Bacaan Takhtim kemudiannya dipimpin oleh Awang Afiq Haririe bin Haji Mohd. Daud, AJK Kumpulan Belia dan Beliawanis, manakala bacaan Tahlil diketuai oleh Ketua Kumpulan Belia Syababul Muttaqun, Balai Ibadat Kampung Mata-mata, Awang Haziq Hazwan bin Jossrie. Acara diteruskan dengan bacaan Doa Khatam oleh Ketua Kumpulan Belia Masjid Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam, Awang Muhammad Nur Hazim Wafiuddin bin Haji Kamaruzzaman diikuti dengan bacaan Doa Tahlil dipimpin oleh Ketua Kumpulan Syababul Raudhah, Belia Masjid Jefri Bolkiah Kampung Batong, Awang Mohammad Waseem bin Mohd. Rijal. Majlis juga diserikan dengan Dikir

Marhaban beramai-ramai. Bagi memberkati majlis, Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Ketua Belia Masjid Rancangan Perumahan Negara Kampung Rataie, Daerah Temburong, Awang Mohd. Zulkhairi bin Mohd. Azmay. Antara tujuan acara berkenaan diadakan adalah untuk menyuntik semangat cinta kepada kitab suci Al-Quran dan beramal dengannya di samping untuk meningkatkan lagi amalan pada bulan Ramadan yang Mubarak ini. Acara berkenaan juga dihasrat dapat mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan ahli kumpulan belia masjid seluruh negara sekali gus menyemarakkan lagi masjid dengan aktiviti-aktiviti keagamaan demi menuju ke sebuah Negara Zikir. Semoga dengan adanya acara seumpama berkenaan akan dapat membiasakan para belia dan beliawanis untuk membaca Al-Quran setiap masa lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan ini.



PROGRAM NUR RAMADAN 1.0 : BELIA MARDHATILLAH LABUH TIRAI

■ Siaran Akhbar dan Foto : Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan



YANG MULIA Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat majlis yang juga turut menyempurnakan pengagihan sumbangan dan penyampaian sijil penghargaan kepada peserta program.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. – Program Nur Ramadan 1.0 : Belia Mardhatillah anjuran Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) melalui Nadi al-Qawi al-Amin di bawah pengendalian Fakulti Pendidikan Sains Kemasyarakatan dengan kerjasama Belia Imtiyaz Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) yang bermula pada Jumaat lepas menutup tirainya baru-baru ini dalam majlis penutup bertempat di Masjid YSHHB, Kampung Bolkiah 'A'.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan, yang juga turut menyempurnakan pengagihan sumbangan dan penyampaian sijil penghargaan kepada peserta program.

Turut hadir ialah Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; dan Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh tetamu kehormat majlis dan diteruskan dengan bacaan Surah Yaa Siin serta Tahlil beramai-ramai.

Majlis dilanjutkan dengan ucapan alu-aluan daripada Pengerusi Majlis, Awang Mohammad Faizal bin Awang Lalim.

Dalam ucapan alu-aluan berkenaan, Pengerusi Majlis menjelaskan bahawa program yang dianjurkan berkenaan bermatlamat untuk meraih keagungan bulan Ramadan dengan melakukan kebajikan berbentuk khidmat masyarakat di samping membentuk belia ke arah ketakwaan dan keredaan Allah.

Selain itu katanya, ia diharap dapat mewujudkan suasana kemesraan beramal ibadah dalam kalangan para peserta belia masjid dan masyarakat kampung demi menyemarakkan lagi amalan secara berjemaah dengan seimbang dalam mengendalikan urusan duniawi dan ukhrawi.

Pengerusi Majlis juga turut meluahkan rasa syukur tidak terhingga dan penghargaan khususnya kepada pihak YSHHB, Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan para penyumbang lain yang terlibat atas sumbangan yang dihulurkan bagi menjayakan program penuh bermanfaat berkenaan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian sumbangan kepada seramai 30 keluarga yang memerlukan dari Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' serta penyampaian sijil penghargaan kepada 43 peserta belia antara umur 15 tahun hingga 21 tahun.

Seramai 22 belia dan 21 beliawanis dan Ahli-ahli Jawatankuasa dari Nadi Al-Qawi Al-Amin dan Belia Imtiyaz yang menyertai program yang diadakan selama tiga hari berkenaan.

Anugerah Belia Mardhatillah Terbaik turut disampaikan oleh tetamu kehormat majlis kepada seorang belia dan beliawanis, iaitu Awang Md. Mizam bin Hailulizam; dan Dayang Zuhriana Zafeerah binti Haji Zaini.

Acara ditutup dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan ramah mesra tetamu kehormat majlis bersama para peserta program.

Kemudian acara diteruskan dengan iftar Jama'ie dan menunaikan Solat Maghrib Berjemaah dan diakhiri dengan bergambar ramai.

Terdahulu, pada hari kedua program telah diadakan beberapa kegiatan termasuk Qiyamullail Fardu, Solat Subuh Berjemaah dan Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Pengarah Pusat Ilmu Teras, KUPU SB, Dr. Haji Noralizam bin Haji Aliakbar serta ceramah motivasi yang disampaikan oleh Awang Abdul Rahman bin Haji Ajak yang diadakan di Masjid YSHHB.

Acara kemuncak pada hari kedua berkenaan ialah pengagihan sebanyak 250 bubur kacang kepada seramai 50 buah keluarga di Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'.

Manakala pada hari ketiga pula, antara program yang telah dilaksanakan adalah seperti ceramah motivasi, bengkel Fardu Kifayah, bedah *movie* dan menulis surat cinta dari hati khusus untuk ibu bapa peserta.

Kenali Bahasa Brunei

Palau bermaksud

1 bercakap tidak tentu fasal kerana demam atau sakit.

Contoh pemakaian kata : panas banar badannya atu, iatah palau inda lagi lurus kurapaknya.

2 kiasan kehilangan akal.

Contoh pemakaian kata : udah ku palau atu, inda tah tantu apa kan ku buat.

Tapalicuk bermaksud tergeliat tentang kaki.

Contoh pemakaian kata : takana gagas atu, tapalicuk batisku masa turun tangga ah.

Palung bermaksud petak yang terdapat pada bahagian bawah meja tulis, biasanya dijadikan sebagai tempat menyimpan alat tulis, buku, dan sebagainya.

Contoh pemakaian kata : katinggalan tah buku ku nah dalam palung mija sikulah.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS

Selera KAMPUNG Kitani



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Air Bandung Laici RPN Kampung Rimba

BAHAN-BAHAN :

½ tin cinau (dicincang)

500ml susu *full cream*

½ tin susu cair

¼ tin susu manis

¼ cawan sirap bandung

1 tin laici / longan (dengan airnya)

Biji selasih (yang telah direndam)

Ais secukupnya

CARA MEMBUATNYA :

Masukkan kesemua bahan tadi ke dalam mangkuk dan gaul hingga sebat. Tambahkan ais sebelum menjamu selera.



KHEDN semarakkan Nuzul Al-Quran

Oleh : Aimi Sani
Foto : Hernie Suliana Haji Othman

SETIAUSAHA Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, selaku wakil kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat majlis (kiri), manakala gambar bawah kiri, antara yang hadir pada majlis berkenaan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. -Al-Quran merupakan mukjizat yang paling besar yang dikurniakan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan Nuzul Al-Quran memberi maksud penurunan ayat-ayat suci Al-Quranul Karim sebagai wahyu Allah Subhanahu Wata'ala kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam.

Bagi memperingati peristiwa berkenaan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) melalui kelolaan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) mengadakan

Majlis Sambutan Nuzul Al-Quran KHEDN bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Serbaguna, KHEDN, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), KHEDN, Awang Salminan bin Haji Burut selaku wakil kepada Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Selawat Tafrijiyyah yang diketuai oleh Imam Tingkat 1, Masjid Sufri Bolkiah Perpindahan Berakas, Awang Abdul Razak bin Samat diikuti dengan Ceramah Khas sempena Sambutan Nuzul Al-Quran bertajuk 'Huda Linnas' yang disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

Majlis dianjurkan dengan tujuan bagi menyemarakkan lagi Sambutan Memperingati Nuzul Al-Quran di bulan Ramadan yang mulia ini.

Majlis kemudiannya diteruskan



CERAMAH Khas disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Ahmad Muzhafar bin Haji Marsidi.

dengan Persembahan Tausyeh yang dibawakan oleh para pegawai dan kakitangan JIPK.

Antara yang hadir pada majlis pada hari ini ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha-setiausaha Tetap KHEDN, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan para pegawai dan kakitangan KHEDN dan jabatan-jabatan di dalamnya.

AHLI MMN ADAKAN LAWATAN KHAS KE BKISHHB

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 2 April. - Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) pagi tadi membuat Lawatan Khas ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB), di sini.

Ketibaan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN dialu-alukan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad, serta pegawai dan kakitangan jabatan berkenaan.

Terdahulu, Yang Berhormat Ahli-ahli MMN memulakan lawatan dengan sesi taklimat pengenalan yang disampaikan oleh Pengarah BKISHHB.

Seterusnya, rombongan beredar ke galeri pameran yang menempatkan koleksi-koleksi yang unik dan menarik antaranya koleksi mushaf-mushaf dan manuskrip-manuskrip Islam yang terbesar di negara ini, peralatan astronomi, tongkat, tasbih dan banyak lagi.

Dalam lawatan berkenaan, Yang



YANG Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) bergambar ramai semasa Lawatan Khas ke Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) (atas). Sementara gambar bawah kanan, rombongan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN beredar ke galeri pameran pada lawatan berkenaan.

Berhormat Ahli-ahli MMN juga berpeluang berkunjung ke Galeri Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu

Alaihi Wasallam yang pada masa ini dibuka untuk kunjungan orang ramai bermula dari 1 hingga 10 April 2024 sempena 10 hari terakhir Ramadan.

Rombongan kemudian meneruskan lawatan ke fasiliti-fasiliti yang terdapat di BKISHHB seperti makmal konservasi, ruang penyelidikan, auditorium, bilik persidangan, bilik-bilik mesyuarat dan bilik-bilik kuliah.

Yang Berhormat Ahli-ahli MMN juga berpeluang untuk melihat dengan lebih dekat lagi seni arkitek dan reka bentuk dalaman bangunan yang direka bentuk oleh pereka bentuk yang terkenal, iaitu Pei Arkitek.

Objektif utama Lawatan Khas berkenaan diadakan adalah untuk memperkenalkan BKISHHB dan meluaskan lagi rangkaian hubungan dengan Yang Berhormat Ahli-ahli MMN.

Lawatan Khas berkenaan

juga bertujuan untuk memberi penerangan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli MMN mengenai fungsi dan peranan BKISHHB, sekali gus mempromosikan BKISHHB sebagai sebuah institusi

yang menyimpan khazanah warisan Islam yang unik dan berharga koleksi milik peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.



YANG Berhormat Ahli-ahli MMN dialu-alukan oleh Pengarah BKISHHB, Dr. Haji Awang Mohammed Hussain bin Pehin Penyurat Awang Haji Ahmad.





**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

Iklan Tarikh Lanjutan

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong Yang Berdaftar Di
Dalam**

Kelas :
V & IV sahaja

Kategori :
KA01

Tarikh Mengambil Dokumen

Tawaran :
6 Mac 2024.

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :

Tidak lewat Selasa,
26 Mac 2024,
jam 12.00 Tengah Hari.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 12.00 Tengah Hari.

Bilangan Tawaran:

JKR / DOR / SRM 05 / 2024

Nama Projek:

Pengurusan Pemeliharaan
Berintegrasi Bagi Jalan-jalan
Daerah Temburong

Yuran Tawaran :

BND1,000.00
(Tidak dikembalikan)



**JABATAN BANDARAN
BANDAR SERI BEGAWAN
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

Kenyataan Tawaran

Bilangan Rujukan:

JBBSB / SH / 2024-2025 / 06 /
BKB / 05
JBBSB / SH / 2024-2025 / 09 /
BKB / 06
JBBSB / SH / 2024-2025 / 10 /
BKB / 07
JBBSB / SH / 2024-2025 / 11 / BKB
/ 08
JBBSB / SH / 2024-2025 / 12 /
BKB / 09
JBBSB / SH / 2024-2025 / 13 /
BKB / 10
JBBSB / SH / 2024-2025 / 14 /
BKB / 11
JBBSB / SH / 2024-2025 / 15 /
BKB / 12
JBBSB / SH / 2024-2025 / 16 /
BKB / 13
JBBSB / SH / 2024-2025 / 17 /
BKB / 14

Tajuk Sebut harga:

Pembelian Barang-Barang
Simpanan Stor Am

Hari Tarikh dan Jam Tutup:

Khamis,
18 April 2024
Jam 2.00 Petang



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan Di
Dalam**

Kelas :
III dan IV sahaja

Kategori :
KA01, M03 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 011 /2024

Nama Projek:

Kontrek Penggal Bagi Kerja-Kerja
Pemeliharaan Stesyen Pengepam
Air Utama Daerah Brunei Muara,
Tutong, Dan Temburong.

Yuran Tawaran :
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

Kelas :
II sahaja

Kategori :
KA01 Sahaja

Bilangan Tawaran:
JKR / DWS / 012 /2024

Nama Projek:

Pembinaan Telemetry HUT,
External Staircase dan
Hardstanding Area Bagi Tangki
Simpanan Kampong Sungai Tilong,
Daerah Brunei Muara.

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :
9 April 2024
Selasa

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



14 Syawal 1445H /
23 April 2024M,
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
Business Enactment Act Section
16 & 17,
Sijil Pendaftaran Kontraktor
Kementerian Pembangunan,
Sijil Pendaftaran Woksyp

Bilangan Tawaran:
JKR / DBSKB / 008 / 2024

Nama Projek :

Kontrak Penggal Bagi
Penyelenggaraan Kenderaan
Kerajaan Di Unit Mekanikal,
Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait
Bagi 18 Bulan

No. Projek :

2024ADKB / B00405 / 003-002-001

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :

Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi
Tawaran
Jabatan Perkhidmatan Elektrik**

Bilangan Tawaran:
JPE / LTK / PDP / 011 / 2024

Tajuk Tawaran:
Technical Maintenance of Power
Transformers Within the DES
66KV Systems Over A Period
Of Five Years

Tarikh Tutup :
Selasa,
23 April 2024,



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-
Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian Pembangunan
Di Dalam**

Kelas :
II & III sahaja

Kategori :
KA01
(kod baharu)

Bilangan Tawaran:

JKR / DBSKB / 005 / 2024

Nama Projek :

Kontrak Penggal Bagi Kerja-Kerja
Kesumbatan Paip Pembetung Di
Daerah Belait Bagi Tempoh
3 Tahun

No. Projek :

2024ADKB / B00411 / 002-003-003

Yuran Tawaran :
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

Tarikh Akhir Mengambil

Dokumen Tawaran :

Selasa,
9 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Tarikh Tutup Tawaran :

Selasa,
23 April 2024,
Tidak lewat jam 2.00 Petang.



jam 2.00 Petang

Harga Dokumen :
BND500.00
(Tidak dikembalikan)

Tempat Tutup :

'Tender Box'
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana
Menteri,
Bandar Seri Begawan, BB3913
Negara Brunei Darussalam



**JABATAN PENGAJIAN ISLAM
KEMENTERIAN HAL
EHWA UGAMA**

**Tawaran Perkhidmatan Bas
Sewa Khas 15 Muatan Bagi
Kegunaan
Sekolah-Sekolah Arab Seluruh
Negara, Di Bawah Kawalan
Jabatan Pengajian Islam
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Negara Brunei Darussalam
Tahun 1445H-1446H /
2023M-2024M**

1. Bilangan dan Tajuk Sebut

Harga :

**KHEU / JPI / LTN / BSK /
SMALHB / 01**

Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 15 Muatan bagi kegunaan
Sekolah Menengah Arab Laki-Laki
Hassanal Bolkiah

2. Bilangan dan Tajuk Sebut

Harga:

**KHEU / JPI / LTN / BSK /
SASHHB / 02**

Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 15 Muatan bagi kegunaan
Sekolah Arab Sultan Haji
Hassanal Bolkiah, Rimba

3. Bilangan dan Tajuk Sebut

Harga:

**KHEU / JPI / LTN / BSK / SUAMP
RIPAHS / 03**

**Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 15 Muatan bagi kegunaan
Sekolah Ugama Arab Menengah
Perempuan Raja Isteri
Pengiran Anak Hajah Saleha,
Katok**

4. Bilangan dan Tajuk Sebut

Harga:

KHEU / JPI / LTN / BSK / MIB / 04

Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 15 Muatan bagi kegunaan
Ma'had Islam Brunei,
Daerah Tutong

5. Bilangan dan Tajuk Sebut

Harga:

KHEU / JPI / LTN / BSK / SAB / 05

Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 15 Muatan bagi kegunaan
Sekolah Arab Belait,
Daerah Belait

6. Bilangan dan Tajuk Sebut

Harga:

KHEU / JPI / LTN / BSK / SAT / 06

Tawaran Perkhidmatan Bas Sewa
Khas 15 Muatan bagi kegunaan
Sekolah Arab Temburong,
Daerah Temburong

Tarikh Tutup Sebut Harga :

Selasa,



Pemberitahuan Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 49 / 2024 / JPKAS(TC)

Keterangan:
Domestic Waste Collection And Disposal Services For Foreign Workers Health Screening For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 50 / 2024 / DSS

Keterangan:
To Supply, Deliver, Install And Commission One (1) Unit Of Real-Time PCR System For Human Identification (Hid) For Forensic Biology Section, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 51 / 2024 / UPP

Keterangan:
To Supply And Deliver Medical Consumables (Air Spiral Tube & Chamber Kit WIH NEB Adapter) For Medical Intensive Unit (MICU) And Surgical Intensive Unit (SICU) At Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 52 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Item (Arthroscopic Tubing) For Department Of Orthopaedic, Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 53 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Items (Life Band Compression Strap) For Emergency Medical Ambulance Services (E.M.A.S) Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 54 / 2024 / UPP

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Items (Multi-Enzyme Detergent) For Central Sterile Services Department (CSSD), Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 55 / 2024 / UPP(TC)

Keterangan:
The Provision Of Providing Manpower For Central Sterile Service Department Of Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 56 / 2024 / HTD

Keterangan:
One-Off Preventive Maintenance Services For Three (3) Units Of Gas Chromatography (FC) Systems, Brand: Agilent, Model: 7890B At Illicit Drugs Sections, Department Of Scientific Services

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 57 / 2024 / ESTETMOH (TC)

Keterangan:
The Provision For Three (3) Years Terms Contract Services Of Cleaning And Grass Cutting Services For Department Of Scientific Services Serasa Branch And Halal Science & Metrology Centre Kg Anggerek Desa Under Ministry Of Health

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health or Ministry of Development

Kelas:
II and above

Kategori:
S02, S06 and S07

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 58 / 2024 / PPN(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Orthodontic Consumables Items And Instruments For NDC For A Period Of Three (3) Years, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 59 / 2024 / PPN(TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Orthodontic Consumables Items And Instruments For NDC For A Period Of Three(3) Years, Department Of Dental Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00



Pusat Pembangunan Belia Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Negara Brunei Darussalam

Kenyataan Tawaran

Bilangan Sebut harga :
03 / 2024 / KKBS / PPB / 01

Tajuk Sebut harga :
Pembekalan dan Pemasangan PA Sistem Di Dewan Bina Diri dan Surau Utama Pusat Pembangunan Belia, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Jalan Utama Tanah Jambu, Negara Brunei Darussalam

Tarikh Tutup Sebut harga :
Khamis
4 April 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



Syarat-Syarat Tawaran Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Pemeliharaan Kawasan Di Pejabat-Pejabat Pos dan Rumah Pangsa Pejabat Pos Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan (Mei 2024 – April 2025)

Rujukan Tawaran:
POS / T / 02 / JPP / 2024-2025

Syarat-Syarat Tawaran Perkhidmatan Pengutipan dan Pembuangan Sampah di Pejabat – Pejabat Pos dan Rumah Pangsa Pos Bagi Tempoh Dua Belas (12) Bulan (Mei 2024 – April 2025)

Rujukan Tawaran:
POS / T / 03 / JPP / 2024-2025

Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa,
16 April 2024,
Jam 2.00 Petang



1. Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 02 / BKB / 01

Tajuk Sebut harga:
Pembekalan dan Menghantar Pakaian Seragam Uniform Untuk Kakitangan Buruh dan Pemandu Bahagian Khidmat Bantu dan Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

2. Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 03 / BKB / 02

Tajuk Sebut harga:
Membekal dan Menghantar Sepuluh (10) Unit “Blower” Untuk Kakitangan Bahagian Khidmat Bantu, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

3. Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 04 / BKB / 03

Tajuk Sebut harga:
Membekal dan Menghantar Sepuluh (10) Unit Mesin Memotong Rumput Jenis Bersikut Untuk Kakitangan Bahagian Khidmat



Bantu, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan

4. Bilangan Rujukan:
JBBSB / SH / 2024-2025 / 05 / BKB / 04

Tajuk Sebut harga:
Tawaran Kontrak Dua (2) Tahun Bagi Penyelenggaraan Dan Pembersihan Kolam Air Berhias Di :

- Tugu Cendera Kenangan Di Taman Sultan Omar Ali Saifuddin
- Mercu Dirgahayu 60 Di Jalan Mc Arthur, Bandar Seri Begawan

Hari Tarikh dan Jam Tutup:
Khamis, 4 April 2024
Jam 12.00 Tengah Hari

Keterangan Lanjut Boleh Diperoleh Dari:

Seksyen Bengkel, Bahagian Pemuliharaan Dan Kenderaan, Depot Jabatan Bandaran, Kampung Belimbing Subok, Jabatan Bandaran Bandar Seri Begawan



PERATURAN PENGIKLANAN

(SEKTOR AWAM / KERAJAAN)

DI PELITA BRUNEI





IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.



Rang Iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.



- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL : **iklan.pb@information.gov.bn**

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI : **+673 2383400**
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNGI MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

SUMBANGAN BANTU RINGANKAN PERBELANJAAN ANAK YATIM



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad



SETIAUSAHA Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma (kiri dan kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Dalam meraih ganjaran pahala berlipat ganda pada bulan Ramadan ini, Jawatankuasa Majlis Perundingan Kampung (MPK) Lambak 'A' dan Terunjing Baru menganjurkan Majlis Penyampaian Sumbangan Derma kepada anak yatim.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan

seterusnya menyempurnakan penyampaian sumbangan derma berkenaan, Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional) Kementerian Pembangunan, Ir. Awang Haji Amer Hishamuddin bin Pehin Orang Kaya Amar Pahlawan Dato Seri Setia Haji Zakaria.

Acara berkenaan berlangsung di rumah kediaman Pemangku

Ketua Kampung Lambak 'A' dan Terunjing Baru, Awang Haji Brahim bin Haji Abdul Rahman.

Majlis diisikan dengan bacaan Tahlil, Doa Arwah, Doa Selamat dan terbuka puasa.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Awang Haji Junaidi bin Haji Pudrin, Ahli MPK Lambak 'A' dan Terunjing Baru,

diikuti dengan ucapan daripada Pengerusi Majlis dan seterusnya penyampaian sumbangan derma kepada sembilan anak-anak yatim Kampung Lambak 'A' dan Terunjing Baru yang disempurnakan oleh tetamu kehormat majlis.

Sumbangan berkenaan adalah hasil sumbangan derma daripada para penduduk Kampung Lambak

'A' dan Terunjing Baru yang bertujuan bagi membantu anak-anak yatim supaya dapat berbelanja untuk persiapan dan merasakan kegembiraan menyambut Lebaran pada bulan Syawal selain ia adalah untuk mengeratkan ikatan silaturahim dan rasa ukhuwah antara para penduduk kampung dengan anak-anak yatim.

LUPA TOKEN PSCR 2.0?



CARA PENETAPAN SEMULA (RESET) TOKEN PSC AWDA

Whatsapp Talian Perhubungan (+673 7371961) atau E-mel (query@spa.gov.bn) serta nyatakan:

1. Nama Penuh
2. Nombor Kad Pengenalan
3. Swafoto awda dengan memegang bahagian hadapan kad pengenalan



سوروهنجاي فرخدمتن عوام
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM
JABATAN PERDANA MENTERI | BRUNEI DARUSSALAM
WWW.RECRUITMENT.GOV.BN | WWW.SPA.GOV.BN

Siaran Akhbar dan Foto :
Progresif Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Progresif Sdn. Bhd. hari ini mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil khusus bagi Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam, Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka

MAJLIS Membaca Surah Yaa Siin dan Bertahlil dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi selaku Pengerusi Progresif.

Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah di Kubah Makam Diraja.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin dan seterusnya Tahlil yang dipimpin oleh Perhubungan Awam dan Sokongan Komunikasi Progresif, Mohammad Rusydi bin



Haji Morsidi.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan

Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim selaku Pengerusi Progresif, serta Ahli Lembaga Pengarah

Progresif, Kamal Ariffin bin Pehin Dato Haji Ahmad, pihak pengurusan kanan dan kakitangan Progresif Sdn. Bhd.

RFD : DEKATI MASYARAKAT MEMERLUKAN BANTUAN

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali



BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Pejabat Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Kebajikan dan Kemasyarakatan (UKMKS), Majlis Perwakilan Pelajar, Persatuan Pelajar UNISSA bagi Sesi 2023/2024 mengadakan Program Ramadhan Food Drive (RFD) yang bertempat di beberapa buah kampung pada tahun ini.

Program berkenaan merupakan projek tahunan dan telah memasuki tahun kelapan perlaksanaannya dengan hasrat untuk berkongsi rezeki dan meraih pahala bersedekah sesama saudara Islam, terutama sekali bagi mereka yang memerlukan bantuan.

Di samping itu, projek berkenaan juga bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar mengenai kehidupan bermasyarakat dan kesukarelawanan.

Pada tahun ini, RFD diberi

sentuhan baharu apabila UKMKS menggabungkan konsep Program Minna Ilaikum ke dalam Program RFD 2024.

Antara tujuan program berkenaan adalah untuk mendekati dan membantu masyarakat yang memerlukan bantuan sambil memberikan pengetahuan dan pengalaman baharu kepada para pelajar UNISSA.

RFD 2024 menyaksikan dua aktiviti berbeza seperti berikut, iaitu pembuatan dan pengagihan sedekah minuman Ice Lemon Tea. Tempahan minuman sedekah telah dibukakan secara *open order* atau pembelian secara dalam talian kepada warga UNISSA dengan minuman sedekah berkenaan telah diagihkan kepada penghuni asrama UNISSA dan di masjid-masjid.

Hasil pendapatan yang diperolehi daripada penjualan minuman berkenaan juga telah digunakan

untuk membeli barang sumbangan yang akan diagihkan sempena aktiviti kedua, iaitu RFD.

Pengambilan tempahan telah dibukakan mulai 15 hingga 27 Mac 2024 dan ia telah diagihkan ke masjid-masjid pada 29 Mac 2024.

Manakala aktiviti kedua, iaitu 'RFD 2024 : From Us To You' dengan acara kemuncak diadakan pada hari ini berupa penyampaian sumbangan ke beberapa buah rumah yang telah dikenal pasti.

Jenis barangan sumbangan dikategorikan kepada dua, iaitu pek makanan asasi sempena bulan Ramadan; dan pek makanan serta barangan sempena Hari Raya Aidilfitri.

Barangan sumbangan berkenaan terdiri daripada makanan asasi seperti beras, minyak, gula, dan selainnya.

Sementara itu, sumbangan makanan kegunaan sempena Hari Raya Aidilfitri pula adalah seperti kuih raya, keropok dan sebagainya.

Dana bagi perkara berkenaan adalah hasil yang dikumpul daripada sumbangan para pegawai dan kakitangan serta pelajar UNISSA melalui derma ke tabung UNISSA secara dalam talian dan juga melalui tabung yang telah disediakan, dengan tempoh sumbangan berkenaan dibukakan mulai 16 hingga 26 Mac 2024.

Majlis pelancarannya diadakan di Auditorium UNISSA yang dirasmikan oleh Rektor UNISSA, Dr. Awang Haji Norarfan bin Haji Zainal.

Selesai pelancaran majlis, pihak UNISSA telah bergerak menuju enam lokasi yang telah dikenal pasti bagi menyampaikan sumbangan seperti berikut, iaitu



REKTOR UNISSA semasa menyertai Program Ramadhan Food Drive (RFD) (atas), manakala gambar kiri, antara lokasi yang telah dikenal pasti bagi menyampaikan sumbangan.

Kampung Madang (dua buah rumah termasuk mangsa kebakaran); Rancangan Perumahan Negara (RPN) Kampung Rimba (enam buah keluarga); Kampung Katok, Jalan Tungku (dua buah rumah); Kampung Sungai Kebun (sebuah rumah); Kampung Sungai Siamas

(sebuah rumah); Kampung Setia 'A' (tiga buah rumah); Kampung Setia 'B' (tiga buah rumah); dan Kampung Tamoi Tengah (tiga buah rumah).

Turut serta dalam menghantar sumbangan ke kampung-kampung berkenaan ialah Rektor UNISSA.

Permohonan Skim BPTV Sesi Akademik 2024 / 2025 dibukakan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa membukakan permohonan bagi Skim Biasiswa Pendidikan Teknikal dan Vokasional (BPTV) bagi Sesi Akademik 2024 / 2025 khusus bagi pelajar lepasan sekolah Peringkat 'O' untuk mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi swasta dalam negeri pada hari ini, 1 April 2024, jam 8.30 pagi dan akan ditutup pada Khamis, 2 Mei 2024, jam 4.00 petang.

Skim ini disediakan oleh pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi memenuhi permintaan yang sentiasa meningkat khususnya dalam bidang pendidikan teknikal dan vokasional di negara ini.

Dengan adanya skim ini, ia akan dapat memberi peluang pelajar lepasan sekolah Peringkat 'O' untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi dan seterusnya bagi menyahut Wawasan Brunei 2035 dalam melahirkan rakyat yang berpendidikan dan berkemahiran tinggi.

Dalam hubungan ini, orang ramai khususnya penuntut-penuntut lepasan sekolah Peringkat 'O' yang memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan, adalah dialu-alukan untuk memohon bagi mendapatkan biasiswa Skim BPTV.

Surat Pemberitahuan Bilangan 1/2024 dan borang permohonan Skim BPTV (BPTV/A1) boleh didapati dari laman sesawang rasmi Kementerian Pendidikan www.moe.gov.bn. Borang-borang yang telah lengkap diisi berserta dokumen-dokumen yang diperlukan hendaklah dihantar melalui tatacara yang telah ditetapkan tidak lewat pada Khamis, 2 Mei 2024, jam 4.00 petang.

Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini bolehlah menghubungi Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan melalui Telefon Pejabat +673 2380019, Isnin hingga Khamis dan Sabtu, 8.00 pagi - 2.00 petang (semasa bulan Ramadan) dan 7.45 pagi - 12.15 tengah hari dan 1.30 petang - 4.30 petang (selepas bulan Ramadan) atau melalui e-mel bptv@moe.gov.bn atau scholarship@moe.gov.bn.



جابتن قرائن ايكونومي دان ستاتيستيك
JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK
JABATAN HAL EHWAL PENGGUNA
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI

NASIHAT BERBELANJA DALAM TALIAN

Fikir sebelum beli

"buleh percaya kan tu?"

"mun barang inda sampai, kana mulihkan usinku kan ni?"

"ok kan tu? selamat kah jual bali cemani ani?"

"iawah? banar kan tawarannya ani?"

Jadi pengguna yang bertanggungjawab

- ☒ Semak ulasan terlebih dahulu, beli dari sumber yang dipercayai.
- ☒ Dapatkan resit rasmi.
- ☒ Fahami polisi bayaran balik dan jaminan.
- ☒ Jika ragu, elakkan berurusan dengan mereka.

Perintah Pelindungan Pengguna (Perdagangan Wajar) dikenakan ke atas transaksi Perniagaan-ke-Pengguna

RAPATKAN UKHUWAH, PUPUK NILAI HORMAT DALAM KALANGAN MASYARAKAT



KETUA Seksyen Konsular, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam, Safar Al Safar semasa hadir pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung di masjid berkenaan.

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

JANGSAK, Isnin, 1 April. - Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak lewat petang tadi mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Derma Anak Yatim Kampung Jangsak yang berlangsung di masjid berkenaan, di sini.

Hadir dan seterusnya menyempurnakan penyampaian derma kepada anak-anak yatim ialah Ketua Seksyen Konsular, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei

Darussalam, Safar Al Safar.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang diketuai oleh Ketua Seksyen Konsular, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim bermula dari Surah Adh-Dhuha sehingga Surah An-Nas.

Acara kemudiannya diteruskan lagi dengan bacaan Tahlil dan Doa Khatam yang disempurnakan oleh Imam Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, diikuti dengan penyampaian derma kepada 14 anak-anak yatim dari Kampung

Jangsak.

Majlis antara lain bertujuan untuk menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai budaya amalan harian selain di bulan Ramadan, serta memperbaiki mutu bacaan pembaca Tadarus Al-Quran.

Ia juga bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturahim anak-anak yatim Kampung Jangsak bersama masyarakat setempat, serta menjalinkan ikatan kemesraan dan menghormati sama ada dalam kalangan dewasa mahupun kanak-kanak di dalam institusi keluarga.



KETUA Seksyen Konsular, Kedutaan Besar Kerajaan Arab Saudi di Negara Brunei Darussalam menyempurnakan penyampaian derma kepada anak-anak yatim.



MAKLUMAN TATACARA PENYAMPAIAN DAN MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

PENYAMPAIAN TAWARAN LANTIKAN

Disampaikan kepada calon-calon melalui kaunter di Tingkat 1, Kaunter Penyambut Tetamu, Bangunan SPA pada waktu bekerja iaitu 8:00 pagi - 12:00 petang dan 2:00 petang - 4:00 petang.

Penyampaian melalui emel dan perkhidmatan pos adalah ditiadakan

MAKLUM BALAS TAWARAN LANTIKAN

Surat Penerimaan / Penolakan Tawaran boleh dikembalikan melalui kaunter SPA atau melalui emel di alamat ulp.spa@spa.gov.bn



ALAI PINTAR 122

SOALAN 3 APRIL 2024, RABU

Pilih jawapan yang sesuai bagi setiap soalan

1. Apa yang dimaksudkan dengan simpulan bahasa 'Tin Kosong'?
a) bercakap besar tanpa ilmu
b) tidak tahu malu
c) peramah
2. Manusia memerlukan udara untuk?
a) membiak
b) membesar
c) bernafas
3. Tuliskan 'tujuh ratus empat puluh lima' dalam angka.
a) 711
b) 745
c) 700

TARIKH TUTUP: 13 APRIL 2024

HADIAH PEMENANG

1. ALAI YANG BERJAYA DIHADKAN UNTUK TIGA ORANG SAHAJA, UNDIAN AKAN DILAKUKAN JIKA RAMAI DALAM KALANGAN ALAI YANG MENJAWAB DENGAN TEPAT.
2. ALAI AKAN MENERIMA HADIAH BAUCER.

PEMENANG ALAI PINTAR 121

Nama : Nicky Ng Ji Qi
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : C0571493. Sekolah : Chung Hwa Middle School

Nama : Nur Hadirah binti Mohammad
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0122047-01. Sekolah : Sekolah Rendah Pintu Malim

Nama : Dk. Siti Nur Majidah binti Pg. Madzlan
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan : 0124341-01. Sekolah : Sekolah Rendah Lambak Kanan

SYARAT PERADUAN

1. Jika Alai berumur 12 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah mahupun menengah kerajaan atau swasta, maka Alai dibenarkan menjawab soalan
2. Alai dibenarkan menghantar SATU penyertaan sahaja ke :
 - Sidang Pengarang, ALAI PINTAR Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Belait;
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Tutong; dan
 - Kaunter Cawangan Penerangan Daerah Temburong.
3. Alai juga boleh menggambar borang jawapan dan menghantar terus melalui aplikasi Whatsapp ke talian **+673 8945310** atau emel ke pelita.brunei@information.gov.bn
4. Alai mestilah mengisikan maklumat di bawah dengan betul dan lengkap

Nama :
Tarikh Lahir :
No. Surat Beranak / Kad Pengenalan :
Sekolah :
Tahun :
Alamat :

Nombor Telefon (mudah dihubungi) :

JAWAPAN UNTUK SOALAN ALAI PINTAR 121

1. C – Bandar Seri Begawan
2. B – 1 Ramadan
3. A – 17 Ramadan

NQLC RAIKAN 80 PESERTA KHATAM AL-QURAN



SEKITAR Majlis Khatam Al-Quran yang dianjurkan oleh Nuqra Quranic Learning Centre (atas dan atas kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Nuqra Quranic Learning Centre (NQLC) baru-baru ini mengadakan Majlis Khatam Al-Quran untuk meraikan pelajar-pelajar dan peserta-peserta Tadarus Tahun 1445H / 2024M seramai 80 orang yang terdiri daripada peserta dewasa dan kanak-kanak selepas berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran.



Pada majlis yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba itu, hadir selaku tetamu khas majlis ialah Pegawai Hal Ehwal Masjid berkenaan, Awang Muhammad Adham bin Hashim.

Setiap tahun Nuqra Quranic mengadakan Majlis Khatam Al-Quran ini, dan pada tahun ini sangat istimewa kerana tahun ini di samping mengkhataamkan Al-Quran, para peserta Tadarus dikongsikan dengan mentadabbur Al-Quran yang bertepatan 'Menuju Destinasi Hakiki (Syurga)' yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah Universiti Islam Sultan

Siaran Akhbar dan Foto :
Nuqra Quranic Learning Centre

Sharif Ali (UNISSA) dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Harapan Nuqra Komuniti adalah agar dapat mewujudkan satu komuniti untuk saling berusaha memperbaiki diri, membantu serta menguatkan antara satu sama lain agar sentiasa ingat akan pentingnya menjalani hidup sesuai dengan nilai-nilai Islam dan amalan-amalan yang dapat mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk mencapai syurga-Nya.

Tip KESIHATAN

Kelebihan berpuasa dari sudut kesihatan

A MALAN puasa dilakukan oleh orang Islam setiap kali datangnya Ramadan. Pada hari ini, bukan sahaja orang Islam yang mengamalkan puasa tetapi ia turut diamalkan oleh orang bukan Islam. Banyak kajian telah menunjukkan kebaikan berpuasa dari segi kesihatan.

Apa kebaikan berpuasa dari segi kesihatan?

Selain manfaat dan ganjaran spiritual pada bulan mulia ini, mari kita ketahui dan selak manfaat serta kebaikan berpuasa dari segi kesihatan.

- Kelebihan berpuasa dari sudut sains**
 - la membantu mengawal diabetes**
 - Seperti yang kita tahu, diabetes adalah antara penyakit kronik paling kerap berlaku di negara kita, bahkan dunia. Kehadiran pelbagai jenis makanan kurang berkhasiat serta pengamalan gaya hidup kurang aktif atau sedentari banyak menyumbang kepada peningkatan kes diabetes. Puasa sebenarnya mampu membantu mengawal penyakit diabetes.
 - Satu kajian telah dijalankan di Qatar melibatkan 1,301 pesakit diabetes muslim berumur lebih 18 tahun.
 - Hasil menunjukkan bahawa puasa pada bulan Ramadan secara signifikan terkait dengan penurunan pada tahap kolesterol, tekanan darah dan glukosa darah dalam kalangan pesakit diabetes.
 - Namun, sebelum membuat keputusan untuk berpuasa, awda harus terlebih dahulu berbincang dengan doktor untuk melihat jika awda cukup sihat untuk berpuasa.
 - Ada beberapa keadaan yang membuatkan awda tidak digalakkan berpuasa bagi mengelakkan risiko tertentu. Tapi jika doktor beri lampu hijau untuk berpuasa, jangan lepaskan peluang ini.
 - Puasa mengurangkan faktor risiko penyakit kardiovaskular**
 - Seperti diabetes, penyakit kardiovaskular juga merupakan penyakit kronik utama di negara ini. Antara contoh penyakit kardiovaskular ialah penyakit arteri koronari (CAD), biasanya dimanifestasikan dengan serangan jantung, penyakit serebrovaskular (CVD) termasuk strok, penyakit arteri perifer (PAD).
 - Semua penyakit ini mempunyai faktor-faktor risiko termasuk kolesterol darah, tekanan darah sistolik, berat badan, Indeks Jisim Badan (BMI) dan ukur lilit pinggang.
 - Berpuasa menurunkan berat badan, antara kelebihan berpuasa dari sudut sains**
 - Berat badan bukan sekadar penting bagi tujuan penampilan, tetapi juga untuk mengekalkan kesihatan badan. Berat badan berlebihan dimaklumi sebagai faktor risiko bagi banyak penyakit



- termasuk kencing manis, tekanan darah tinggi dan masalah pernafasan.
 - Puasa telah terbukti mampu menurunkan berat badan. Sudah tentulah, awda menahan lapar lebih 10 jam. Tapi jangan pula terkejut jika ada yang sebaliknya naik berat badan di bulan Ramadan sebab tidak menjaga pemakanan mereka.
- Berpuasa melanjutkan usia kita**
 - Siapa tidak mahu hidup lama? Kalau diberi peluang untuk hidup lebih lama sesaat pun, pasti kita akan ambil peluang tersebut.
 - Dalam satu kajian ke atas haiwan (monyet) menunjukkan bahawa puasa boleh melanjutkan usia dan mencegah penyakit yang terkait dengan penuaan.
 - Kajian ke atas manusia juga menunjukkan hasil yang sama. Jadi, berlaparlah hari ini untuk menikmati kebaikan berpuasa dari segi kesihatan ini.

- Kelebihan berpuasa dari sudut psikologi**
 - la sihat untuk otak**

- Telah dibuktikan oleh banyak kajian bahawa kebaikan berpuasa dari segi kesihatan adalah bagus untuk otak juga kerana ia mampu meningkatkan daya tumpuan. Fokus sebenarnya lebih baik semasa perut kosong berbanding dalam keadaan kenyang.
- Perut yang penuh sebaliknya lebih membuatkan seseorang mengantuk. Puasa juga mampu mengurangkan risiko penyakit Neurodegeneratif seperti penyakit Alzheimer, Parkinson dan Huntington.
- Begitu juga penyakit Demensia atau mudah lupa. Jadi, puasa hakikatnya membuatkan otak awda kekal segar dan lambat nyanyuk.

Kesimpulan

Terlalu banyak kelebihan berpuasa dari sudut sains yang ada, sama ada telah dibuktikan oleh kajian saintifik atau masih belum. Jangan sia-siakan peluang yang ada pada bulan Ramadan ini untuk merebut semua kebaikan berpuasa dari segi kesihatan.

IBU TUNGGAL, ANAK YATIM TERIMA SUMBANGAN

Oleh : Muhammad Khairulanwar Ali Rahman
Foto : Ihsan Kumpulan ExHBG Maktab SOAS



EX-HBG dan Ex-HBG Ladies menyumbangkan wakaf sebanyak 60 biji kerusi bankuet untuk kegunaan masjid berkenaan yang diserahkan oleh Awang Haji Ismail bin Haji Ahmad iaitu salah seorang Ahli Lembaga Penasihat Ex-HBG.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Dalam menyemarakkan bulan Ramadan dan seterusnya memeduli golongan yang memerlukan di bulan yang mulia ini, bekas penghuni Asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddin, Ex-HBG serta Ex-HBG Ladies, baru-baru ini telah mengadakan Majlis Khatam Al-Quran dan penyampaian bantuan derma kepada ibu-ibu tunggal dan anak-anak yatim yang tinggal di kawasan sekitar Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

Majlis diadakan di masjid

berkenaan, seramai 10 orang ibu tunggal menerima sumbangan berupa barang-barang asas dan seramai 17 anak yatim menerima sumbangan derma berupa kewangan.

Dengan sumbangan tersebut, para penerima melahirkan rasa syukur atas sumbangan yang diberikan sekali gus menggembirakan lagi mereka dalam meraikan sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti.

Majlis seumpamanya merupakan kali ke-9 diadakan sejak Ex-HBG ditubuhkan pada pertengahan tahun 2013.



MAJLIS Khatam Al-Quran yang diadakan di Masjid Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha, Kampung Rimba.

Semasa majlis petang tadi, Ex-HBG dan Ex-HBG Ladies juga menyumbangkan wakaf sebanyak 60 biji kerusi bankuet untuk kegunaan masjid berkenaan yang diserahkan oleh Awang Haji Ismail bin Haji Ahmad iaitu salah seorang Ahli Lembaga Penasihat Ex-HBG,

kepada Pegawai masjid berkenaan, Awang Mohamad Adham bin Hashim.

Sementara itu, Majlis Khatam merupakan kemuncak bacaan 30 Juzuk ayat-ayat suci Al-Quran oleh para Ahli Ex-HBG dan Ex-HBG Ladies yang bermula sejak 1

Ramadan yang lalu.

Majlis Khatam Al-Quran tersebut adalah di antara beberapa aktiviti yang dikendalikan setiap tahun oleh kumpulan Ex-HBG yang mempunyai 200 ahli, yang pernah tinggal bersama di bawah satu bumbung sekitar tahun 60-an dan 70-an.

Kesejahteraan warga emas terus mendapat perhatian

■ Siaran Akhbar dan Foto : Malam Minggu Pusat Belia

TEMBURONG, Isnin, 1 April. - Malam Minggu Pusat Belia (MMPB) mengadakan salah satu Projek Ramadan Sejenak Bersama Selama Terasa iaitu Program Menyantuni Warga Emas di Kampung Ngalang, Temburong, baru-baru ini.

Projek ini merupakan projek kedua MMPB bersempena bulan Ramadan yang mana tahun lepas projek tersebut telah diadakan di Penanjong, Tutong.

Projek kali ini melibatkan Ahli-ahli Sukarelawan MMPB dan 11 orang daripada ahli Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd. bersama orang persendirian.

Projek ini dijalankan dengan membersihkan kawasan dalaman dan luaran rumah, serta memperbaiki rumah warga emas yang mana mereka juga menerima sumbangan daripada orang ramai, dan juga syarikat swasta seperti Eksklusif

Projek Foodbank kerjasama bersama Kampung Katok 'B' dan MMPB.

Projek ini akan berterusan dijalankan dan akan dilanjutkan pada tahun akan datang bersempena bulan Ramadan.

Sementara bagi Syarikat

Makan Ceria Sdn. Bhd. pula, ia merupakan julung kali diadakan bekerjasama dengan MMPB dalam mengikuti Program Menyantuni Warga Emas.

Pada 5 April ini, MMPB juga akan mengadakan Majlis Tahlil dan Bersungkaik MMPB bersama Persatuan ABLE di kawasan Bandar Seri Begawan nanti.

Media, Dcon Sdn. Bhd., Urban Market, ahli sukarelawan MMPB dan orang persendirian yang menyumbangkan derma melalui



PROJEK kali ini melibatkan Ahli-ahli Sukarelawan MMPB dan 11 orang daripada ahli Syarikat Makan Ceria Sdn. Bhd. bersama orang persendirian.

Penutupan sementara grandstand utama Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah

■ Siaran Akhbar : Jabatan Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 1 April. - Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tempat duduk grandstand utama Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah ditutup sementara bagi memberi laluan kerja-kerja penaklakan grandstand berkenaan bermula 1 April 2024 hingga kerja-kerja selesai dijalankan.



Laksanakan Zakat Fitrah, jangan bayar saat akhir

Oleh : Norliah Md. Zain
Foto : Azmah Haji Ahad

SALAH satu kewajipan yang dituntut semasa bulan Ramadan ialah membayar Zakat Fitrah. Mengeluarkan zakat merupakan perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang banyak disebutkan di dalam Al-Quran Al-Karim.

Pada tahun ini, seramai 372 amil di Negara Brunei Darussalam (NBD) telah dilantik bagi mengutip zakat di 144 kawasan di seluruh negara iaitu Daerah Brunei dan Muara (DBM) seramai 214 amil bagi 81 kawasan; di Daerah Belait seramai 21 amil bagi 16 kawasan; di Daerah Tutong seramai 60 amil bagi 30 kawasan; dan di Daerah Temburong seramai 24 amil bagi 13 kawasan. Manakala seramai 53 Amil-amil Majlis Ugama Islam Brunei telah dilantik untuk mengutip zakat di keempat-empat daerah.

Selain itu, beberapa Institusi Perbankan Islam terdiri daripada Tabung Amanah Islam Brunei (TAIB) dan Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) dan beberapa syarikat telekomunikasi yang terdiri daripada Datastream Digital Sendirian Berhad (DST), dan Imagine Sdn. Bhd., selaku penyedia perkhidmatan (service provider) pembayaran Zakat Fitrah dalam talian (online) dilantik menjadi Amil Majlis Ugama Islam kepada pelanggan masing-masing.

Lantikan syarikat-syarikat berkenaan adalah bagi tempoh selama satu bulan bagi Tahun Hijrah 1445 bersamaan Tahun Masihi 2024 yang bermula 1 Ramadan 1445 hingga 29 Ramadan 1445 atau 30 Ramadan 1445, tertakluk kepada hasil penglihatan anak bulan Syawal 1445.

Amil-amil yang dilantik adalah terdiri daripada pegawai-pegawai masjid, imam-imam, bilal-bilal, pegawai-pegawai beruniform daripada Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, Pegawai Bomba dan Penyelamat serta kakitangan kerajaan yang bersesuaian.

Tempat-tempat pengutipan dan pembayaran zakat dilakukan di masjid-masjid, surau-surau, balai-balai ibadat, tempat bertugas amil-amil dan, di Jabatan

Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal, DBM serta cawangan-cawangan Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal di Pejabat-pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Selain itu, orang ramai juga dapat membuat pembayaran Zakat Fitrah secara dalam talian melalui platform perbankan di BIBD dan Perbadanan TAIB dan juga melalui aplikasi syarikat telekomunikasi DST dan Imagine Sdn. Bhd. di sepanjang bulan Ramadan 1445H nanti.

Dengan adanya lantikan-lantikan ini, Jabatan Urusan Zakat, Waqaf dan Baitulmal berharap ia akan dapat memudahkan orang ramai khususnya para muzakki (pembayar zakat) di negara ini dalam menunaikan kewajipan mengeluarkan Zakat Fitrah dan harta di setiap kawasan dan platform yang telah ditentukan.

Kutipan

Menurut perkiraan kutipan zakat sepanjang tahun 1444 / 2023, para amil seluruh negara telah berjaya mengutip Zakat Fitrah sebanyak BND1,054,387.03 dan Zakat Harta sebanyak BND17,866,895.90.

InsyaaAllah, hasil Kutipan Zakat Fitrah dan Harta pada tahun 1444 / 2023 akan digunakan bagi perbelanjaan dan pengagihan bagi tahun 1445 / 2024 ini. Manakala mengikut data yang sedia ada, penerima-penerima agihan zakat yang telah disokong untuk menerima agihan wang zakat pada tahun 2023 sahaja adalah berjumlah seramai 909 ketua keluarga dan 1,411 tanggungan dan jumlah keseluruhannya adalah seramai 2,320 orang.

Zakat Fitrah

Menurut Mazhab Syafie, Zakat Fitrah hanya sah dikeluarkan daripada makanan yang biasa dimakan oleh penduduk sesebuah negeri itu. Di NBD, beras adalah makanan yang biasa dan asasi dimakan oleh penduduknya.

Ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk NBD iaitu

Beras Wangi dan Beras Siam. Kedua-dua harga beras ini telah ditetapkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Menurut Mazhab Hanafi, sah mengeluarkan Zakat Fitrah dengan nilai wang.

Oleh kerana ada dua jenis beras yang menjadi makanan biasa dan asasi bagi penduduk di negara ini, maka Zakat Fitrah bagi tiap-tiap seorang Islam di negara ini bagi Tahun 1445H bersamaan 2024M ialah dua kilo 268 gram atau dengan nilai wang iaitu jika Beras Wangi BND2.84; manakala jika Beras Siam BND1.93 (dengan nilai wang ini bertaqlid kepada Mazhab Hanafi).

Secara umumnya, kadar Zakat Fitrah yang ditunaikan adalah mengikut harga beras yang biasa dimakan. Dalam pada itu, sesiapa yang pada kelazimannya memakan Beras Siam dan juga memakan Beras Wangi, maka adalah afdal baginya mengeluarkan Zakat Fitrahnya dengan Beras Wangi.

Waktu membayar Zakat Fitrah :

1. Waktu Harus : Sejak dari awal bulan Ramadan.
2. Waktu Sunat : Selepas Sembahyang Subuh sehingga imam mendirikan Sembahyang Hari raya.
3. Waktu Wajib : Setelah terbenam matahari akhir bulan Ramadan.
4. Waktu Makruh : Selepas Sembahyang Hari Raya sehingga terbenam matahari Hari Raya.
5. Waktu Haram : Setelah terbenam matahari Hari Raya pertama. Bahkan perbuatan ini adalah suatu dosa wajib dibayar juga sebagai qada kerana dikeluarkan di luar waktu.

Ganjaran, balasan

Dari segi ganjaran mengeluarkan zakat, orang-orang yang mengeluarkan zakat akan memperoleh ganjaran besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

Antaranya memperoleh ganjaran pahala yang berganda sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala yang tafsirnya : "Dan sebaliknya sesuatu pemberian sedekah yang

kamu berikan dengan tujuan mengharapkan keredaan Allah semata-mata, maka mereka yang melakukannya itulah orang-orang yang beroleh pahala berganda-ganda". (Surah Ar-Ruum : 39).

Sementara bagi mereka yang tidak menunaikan zakat pula, balasan berupa azab bagi sesiapa yang meninggalkan zakat banyak disebutkan dalam hadis-hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam. Antaranya :

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang maksudnya : "Sesiapa yang dikurniakan harta oleh Allah, namun dia tidak menunaikan zakatnya, maka harta itu akan dijadikan sebagai ular jantan gundul yang mempunyai dua taring yang akan mengelunginya pada hari kiamat.

"Kemudian ular itu mengambil dengan dua tulang rahangnya dengan berkata : "Saya adalah hartamu, saya adalah simpananmu," kemudian Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam membaca : (ayat ke-180 dari Surah Ali-'Imran) yang tafsirnya : "Dan janganlah sekali-kali orang yang bakhil dengan apa yang dikurniakan Allah kepada mereka dari kurnia kemurahan-Nya (enggan mengeluarkan harta di jalan Allah dan tidak mahu membayar zakat) menyangka bahawa kebakhilan itu baik bagi mereka. Bahkan sebenarnya kebakhilan itu adalah buruk bagi mereka.

Mereka akan dikalungkan dengan apa yang mereka bakhilkan itu pada Hari Kiamat kelak. Dan kepunyaan Allah jualah segala warisan (yang ada) di langit dan di bumi. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan)". (Hadis riwayat Al-Bukhari).


Kaum Muslimin adalah diseru untuk melaksanakan pembayaran Zakat Fitrah sebagaimana yang dituntut. Janganlah kita berlengah-lengah dalam menunaikan kewajipan apalagi kemudahan dihujung jari turut disediakan bagi memudahkan orang ramai membuat pembayaran. Ramadan hanya berbaki beberapa hari sahaja lagi sebaiknya segeralah menunaikan kewajipan tersebut.



Kurnia peribadi bukti kasih raja kepada rakyat

Mohd. Alif bin Abdullah Aliarshad, 17.

“**SYUKUR** saya merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana sekali terpilih untuk menerima kurnia peribadi daripada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Bagi saya, dengan adanya pemberian kurnia yang sedemikian ini dapat membantu saya di dalam membuat persiapan Hari Raya dan seterusnya untuk kegunaan keperluan yang lain-lainnya. Saya juga turut mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala akan sentiasa melanjutkan usia Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan dimurahkan rezeki baginda hingga ke akhir hayat baginda.”



Muhammad Mu'azzam Fathu Rabbani bin Haji Ismail, 13.

“**SAYA** berasa sangat bersyukur dan gembira kerana terpilih untuk menerima bantuan berupa Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Dengan adanya kurnia peribadi ini dapat membantu saya dan kedua orang tua saya untuk menyediakan keperluan menjelang Hari Raya Aidilfitri ini nanti. Saya juga ingin mengucapkan Selamat Hari Raya kepada raja tercinta kami yang cintakan dan prihatin kepada kami yang memerlukan.”



SEDEKAH termasuk amalan yang sangat mulia kerana ia menggambarkan wujudnya ibadah yang prihatin dalam hubungan antara sesama manusia (Hablum Minannas) dan dengan sedekah itulah kita dapat membantu sesama kita yang memerlukan serta dalam keadaan serba kekurangan.

Di tengah-tengah negara sedang rancak menuju 1 Syawal iaitu hari kemenangan setelah menunaikan puasa fardu Ramadan yang hanya beberapa hari sahaja lagi akan sampai ke penghujungnya, rakyat dan penduduk di negara ini amat beruntung apabila menerima kurnia peribadi daripada raja

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman, Alishahrin Haji Mumin

yang dikasihi. Kurnia yang amat besar ertinya itu disambut dengan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala - Zat yang Maha Pengasih dan Maha Penyayang yang telah menggerakkan hati Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk berbuat kebajikan yang tidak diduga. Sehubungan itu, penulis dari Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Pelita Brunei berkesempatan menemui beberapa penerima yang terdiri daripada golongan tertentu sempena Hari Raya Aidilfitri Tahun 1445 Hijrah / 2024

Masihi.

Dengan adanya Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia ini tentunya melegakan hati dan menceriakan para penerima terutama sekali dalam kalangan kanak-kanak, lebih-lebih lagi ketika Hari Raya Aidilfitri semakin pantas mendekati kita. Kita juga berasa bersyukur kerana di Negara Brunei Darussalam, pemimpn tertinggi dan golongan yang bernasib baik sentiasa berusaha membantu orang-orang yang memerlukan, fakir, miskin, kurang upaya,

berkeperluan khas dan sebagainya. Nikmat Islam dan iman yang dikurniakan oleh Allah Subhanahu Wata'ala ke dalam sanubari sewajibnya disyukuri kerana ianya membuka mata, hati dan akal fikiran bahawa apa yang ada di langit dan di bumi ini adalah milik-Nya dan segalanya tidak kekal, musnah dan kembali kepada-Nya jua.



Muhd. Fayyadh El-Amin bin Mohd. Alit, 4, dari Kampung Perpindahan Mata-Mata.

“**T**ERIMA kasih sultan, saya gembira dapat kurnia dari sultan, dapat untuk beli barangan Hari Raya Fayyadh.”



Nur Syifa binti Haji Md. Nur Faiz, 10, dari Kampung Selayun.

“**S**AYA sangat bertuah kerana menerima kurnia dari sultan kami yang baik hati, terima kasih sultan memberikan kurnia kepada saya, Selamat Hari Raya kepada raja kami yang baik hati.”



Nur Falisha Qurr'atul Ayn, 14.

“**A**LHAMDULILLAH, terima kasih saya ucapkan kepada raja kami, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam kerana telah memberikan kurnia peribadi kepada saya dan juga yang lain-lainnya. Kurnia ini akan saya gunakan untuk membeli keperluan saya untuk Hari Raya dan selebihnya sebagai simpanan saya nanti. Saya gembira kerana sultan kami sangat prihatin, baik hati dan sayang kepada kami semua.”

PRABOWO LAKUKAN KUNJUNGAN HORMAT KE ATAS PRESIDEN XI JINPING DI BEIJING



JAKARTA, 2 April. - Menteri Pertahanan Indonesia Prabowo Subianto, yang merupakan presiden terpilih dalam Pemilihan Presiden 2024, melakukan kunjungan hormat ke atas Presiden China Xi Jinping di Great Hall of the People di Beijing pada Isnin, demikian menurut Kementerian Pertahanan Indonesia.

Menurut kementerian itu, Prabowo dalam pertemuan itu berharap untuk terus melaksanakan secara progresif pelan tindakan pengukuhan perkongsian strategik komprehensif antara Indonesia dan China.

“Mengetahui kerjasama pertahanan, saya melihat China sebagai satu daripada rakan utama

dalam memastikan perdamaian dan kestabilan serantau,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan kementerian itu.

Kementerian itu menyatakan Prabowo komited memenuhi keperluan peralatan pertahanan Indonesia termasuk meningkatkan kerjasama antara industri pertahanan dan dialog produktif serta kerjasama antara cabang perkhidmatan.

Sementara itu, Xi menyatakan komitmen China untuk meningkatkan kerjasama strategik yang komprehensif dengan Indonesia di pertemuan yang berlangsung hangat dan mesra.

“Hal ini menunjukkan keinginan China untuk memperkuat hubungan

bilateral dengan Indonesia dalam berbagai bidang, termasuk pertahanan, ekonomi, dan keselamatan,” kata kementerian itu.

Xi menegaskan kesediaan China memberi sumbangan positif dalam menjaga perdamaian dan kestabilan rantau serta global dan menekankan pentingnya kerjasama kedua negara menjaga keamanan maritim di wilayah Asia Tenggara.

China bersedia meningkatkan kerjasama maritim dengan Indonesia di bidang marin dan komited membantu ASEAN mengurangkan kemiskinan, sekali gus menunjukkan peranan aktif China dalam mendukung pembangunan dan kesejahteraan,

menurut kenyataan itu.

Xi turut mengucapkan tahniah kepada Prabowo yang dipilih sebagai presiden terpilih dalam Pemilihan Presiden 2024, serta menyampaikan salam kepada Presiden Joko Widodo.

Prabowo turut memuat naik gambar pertemuan mereka di akaun Instagram dengan kenyataan : “Suatu kehormatan mendapat undangan dan disambut langsung

oleh Presiden Xi Jinping di Beijing, China.”

Beliau dan delegasi kementerian tiba di Beijing pada Ahad dan turut dijadualkan bertemu Premier Li Qiang dan Menteri Pertahanan China Dong Jun hari ini. - ©BERNAMA

Tentera Israel berundur daripada Hospital Al-Shifa Gaza yang sudah musnah

GAZA, 1 April. - Tentera Israel berundur dari Hospital Al-Shifa, kemudahan perubatan terbesar di Semenanjung Gaza selepas diduduki selama 14 hari dan ditinggalkan dalam keadaan musnah sepenuhnya dengan ramai yang terkorban, lapor Agensi Anadolu (AA).

Saksi berkata tentera Israel berundur sepenuhnya daripada Hospital Al-Shifa dan penempatan sekitar, bergerak ke arah selatan kejiranan Tel al-Hawa di barat daya Gaza.

Sebelum berundur, tentera Israel membakar semua bangunan Hospital Al-Shifa menjadikannya tidak boleh beroperasi langsung. Bilik pembedahan dan wad hospital runtuh sepenuhnya, sementara bahagian lain termasuk tempat menyambut pelawat dan unit kecemasan dibakar memusnahkan kesemua peralatan perubatan di dalamnya, menurut saksi.

Saksi juga berkata tentera Israel

turut membakar unit rawatan buah pinggang, kanser, mangsa kebakaran, wad bersalin dan rumah mayat selain daripada meruntuhkan bangunan klinik pesakit luar.

Mereka berkata ramai yang terkorban di Hospital Shifa dan jalan raya sekitarnya seperti Omar al-Mukhtar, Izz ad-Din al-Qassam, Abu Hasira, Bekir, dan Habbush sementara tentera Israel memusnahkan perkuburan sementara warga Palestin di Hospital Shifa dengan mengeluarkan mayat dan meletakkannya di kawasan lain dalam hospital itu.

Hospital itu dikepung pada 18 Mac lepas, sejak itu tentera Israel membunuh lebih daripada 400 warga Palestin dan memusnahkan lebih 1,050 kediaman dalam serangan 14 hari ke atas Hospital Al-Shifa di Bandaraya Gaza, lapor pejabat media kerajaan pada Sabtu.

Israel melakukan serangan ketenteraan di Semenanjung Gaza sejak 7 Oktober lepas.

Hampir 32,800 warga Palestin terkorban dan 75,300 lagi cedera selain kemusnahan padaskalabesar dan kekurangan bekalan keperluan. Israel telah mengenakan sekatan yang menjejaskan Semenanjung Gaza mengakibatkan penduduknya kelaparan.

Israel juga telah mengakibatkan 85 peratus penduduk Gaza hilang tempat tinggal selain daripada kekurangan makanan, air bersih dan ubat-ubatan yang serius sementara 60 peratus daripada infrastruktur telah rosak atau musnah, menurut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Israel turut menghadapi pendakwaan melakukan genosid di Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ), yang pada Khamis lepas turut diperintahkan supaya bertindak untuk mengelakkan kebuluran di Gaza. - ©BERNAMA

Ribut ragut 5 nyawa, lebih 100 cedera di Bengal Barat, India

NEW DELHI, 1 April. - Sekurang-kurangnya lima orang maut dan lebih 100 cedera akibat ribut kuat di daerah Jalpaiguri, Bengal Barat, timur India pada Ahad.

Bencana itu merosakkan rumah, pokok tumbang dan memutuskan talian elektrik.

“Ribut melanda. Dalam masa dua-tiga minit, banyak rumah rosak. Lima mangsa maut dan dua orang cedera parah,” kata Ketua Menteri Bengal Barat, Mamata Banerjee, yang melawat kawasan itu pada malam Ahad.

Beliau berkata kerajaan akan menyediakan pampasan kepada waris mereka yang terkorban.

Kira-kira 370 kilometer ke timur Jalpaiguri, sebahagian daripada siling di lapangan terbang Guwahati di negeri Assam, pintu masuk ke timur laut India, runtuh akibat hujan lebat pada Ahad.

Bahagian bumbung lapangan terbang yang runtuh itu sudah lama dan tidak dapat menahan kesan hujan lebat dan ribut secara tiba-tiba, kata seorang pegawai lapangan terbang.

“Silingnya pecah dan air mengalir ke dalam. Bagaimanapun tiada kecederaan dan semuanya terkawal,” kata pegawai kanan lapangan terbang, Utpal Baruah, kepada media tempatan.

Lapangan Terbang Antarabangsa Lokapriya Gopinath Bordoloi di Guwahati diuruskan oleh konglomerat utama India, Adani Group.

Video yang tular di media sosial menunjukkan banjir di ruang perniagaan runcit. - ©BERNAMA

Singapura tahan 289 orang disyaki terlibat dalam penipuan

SINGAPURA, 1 April. - Polis Singapura telah menahan 289 suspek berusia antara 16 hingga 73 tahun kerana disyaki menipu dalam operasi dari 15 hingga 28 Mac, menurut laporan terkini polis.

Mereka yang ditahan disyaki terlibat dalam 1,400 kes termasuk dalam penipuan pelaburan, e-dagang dan pekerjaan, menyamar sebagai pegawai kerajaan dan pancing data, lapor Xinhua.

Polis berkata mangsa penipuan kerugian 9 juta dolar Singapura (US\$6.68 juta).

Suspek disiasat kerana menipu, melakukan pengubahan wang haram atau menyediakan khidmat pembayaran tanpa lesen. - ©BERNAMA

suasana yang mencabar dengan perkembangan di Gaza, Tebing Barat dan Baitulmuqaddis selain daripada tekanan tinggi dihadapi Mahmoud untuk melakukan perubahan pada pihak berkuasa

Palestin dan menubuhkan satu kerangka politik yang mampu melakukan tadbir urus sebuah negara Palestin di masa hadapan selepas konflik di Gaza. - ©BERNAMA

Kerajaan baharu Palestin angkat sumpah

RAMALLAH, 1 April. - Kerajaan baharu Palestin diketuai Perdana Menteri Mohammad Mustafa mengangkat sumpah di sini pada Ahad.

Kerajaan baharu yang terdiri dari 23 menteri berportfolio termasuk sekurang-kurangnya enam daripada Semenanjung Gaza. Mohammad juga akan mengambil alih jawatan Menteri Luar daripada diplomat veteran Riyadh Al-Maliki.

Semasa majlis mengangkat sumpah di hadapan Presiden Palestin Mahmoud Abbas, Mohammad berikrar bahawa kerajaan baharunya akan berkhidmat kepada semua warga

Palestin, menekankan rujukan politik kerajaan adalah kepada Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan program politiknya serta komitmen antarabangsa sebagaimana dimandatkan di dalam surat pelantikan oleh Mahmoud, lapor Xinhua.

Pada mesyuarat dengan kerajaan baharu selepas majlis itu yang berlangsung di Tebing Barat, Mahmoud mengulangi usaha sedang dijalankan untuk menyelaraskan tindakan dengan pihak Arab dan antarabangsa bagi menghentikan konflik di Gaza.

“Matlamat politik kami ialah mencapai kebebasan,

kemerdekaan dan pembebasan daripada pendudukan Israel dan kami sedang berusaha dengan pihak Arab dan antarabangsa yang prihatin untuk memperoleh keanggotaan penuh dalam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu,” kata Presiden, menurut agensi berita rasmi, WAFA.

Pada 14 Mac, Mahmoud menugaskan Mohammad Ketua Dana Pelaburan Palestin yang juga penasihat ekonominya untuk membentuk kerajaan ke-19, menurut WAFA.

Pelantikannya dibuat selepas Kabinet kerajaan sebelum ini meletak jawatan berikutan

Tourism Malaysia yakin sasaran lima juta pelancong dari China dapat dicapai

SEPANG, 1 April. - Tourism Malaysia yakin sasaran lebih lima juta pelancong dari China tahun ini dapat dicapai dengan disokong oleh kekerapan penerbangan ke negara ini.

Ketua Pengarahnya P. Manoharan berkata tahun lepas Malaysia menerima sejumlah 1.47 juta pelancong dari negara Tembok Besar itu.

“Kami positif dapat lebih lima juta (pelancong dari China) kerana kekerapan penerbangan yang ada sekarang lebih daripada 247 penerbangan

seminggu dan berdasarkan kapasiti tempat duduk yang ada sekarang hampir 4.9 juta dari China ke Kuala Lumpur.

“... banyak lagi kekerapan penerbangan akan bertambah dan laluan baharu juga. Jadi, kita positif akan menerima lebih lima juta pelancong dari China tahun ini,” katanya kepada media selepas majlis mengalu-alukan laluan antarabangsa baharu Sichuan Airlines dan China Southern Airlines ke Kuala Lumpur di sini malam tadi.

Pesawat Sichuan Airlines dari

Chengdu dan China Southern Airlines dari Shenzhen mendarat di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur Terminal 1 masing-masing pada 10 malam dan 12.30 tengah malam tadi.

Manoharan berkata selain Kuala Lumpur, syarikat-syarikat penerbangan dari China juga menunjukkan minat untuk mengadakan penerbangan terus ke bandar-bandar utama di Malaysia seperti Pulau Pinang, Johor Bahru, dan Kuching.

“Sichuan Airlines telah buat

rancangan untuk mengadakan penerbangan (dari China) ke Kuching. Ada banyak dalam perancangan.

“Kami mengalu-alukan syarikat-syarikat penerbangan dari China untuk mengadakan penerbangan terus ke Kuala Lumpur, di samping penerbangan sewa khas.

“Ini juga adalah selari dengan matlamat kementerian untuk memperbanyakkan lagi penerbangan terus sempena Tahun Melawat Malaysia 2026,”

katanya.

Beliau berkata Tourism Malaysia akan bekerjasama dengan syarikat-syarikat penerbangan dan pengusaha pelancongan di Malaysia dan China untuk menambah kekerapan penerbangan ke negara ini.

Terdahulu, media melaporkan Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya (MOTAC) menyasarkan jumlah ketibaan kira-kira 27.3 juta pelancong pada tahun ini dengan pendapatan pelancongan berjumlah RM102.7 bilion. - ©BERNAMA



JOSEPH SCHOOLING BERSARA DARI SUKAN RENANG

SINGAPURA, 2 April. - Satu-satunya pemenang pingat emas Sukan Olimpik Singapura, Joseph Schooling telah mengumumkan persaraan beliau daripada sukan renang kompetitif pada Selasa.

Schooling yang mencipta sejarah untuk republik itu dalam acara 100 meter kuak kupu-kupu semasa Sukan Olimpik Rio de Janeiro 2016 mengucapkan terima kasih kepada keluarga, jurulatih, rakan sepasukan dan penyokongnya atas dorongan mereka sepanjang kariernya.

"Saya sentiasa bersyukur untuk setiap pengalaman yang telah dibawa dalam sukan renang dalam hidup

saya. Kemenangan itu mengujakan, kekalahan mengecewakan dan semua itu telah membentuk ketahanan dalam diri saya yang akan saya bawa ke bab seterusnya," katanya dalam hantaran di Facebook pada Selasa.

Schooling berkata beliau tidak sabar untuk meneroka minat baharu dan menghadapi cabaran baharu dalam fasa seterusnya dalam hidup beliau.

"Terima kasih kepada penyokong saya kerana menyokong saya pada setiap langkah. Saya harap anda akan menyertai saya ketika saya memulakan pengembaraan baharu ini," katanya. - ©BERNAMA

Tze Yong berpeluang ke Piala Thomas 2024 - Remy

KUALA LUMPUR, 2 April. - Khabar gembira buat kem badminton negara apabila dimaklumkan perseorangan lelaki negara Ng Tze Yong kemungkinan berpeluang menyertai skuad negara ke kejohanan Piala Thomas 2024 berlangsung di Chengdu, China bermula 27 April ini.

Pengarah Kejurulatihan Akademi Badminton Malaysia (ABM) Remy Mainaky berkata pemain di ranking ke-18 dunia itu mempunyai masa yang cukup untuk pulih sepenuhnya selepas menjalani pembedahan di bahagian belakang pada Februari lepas.

Beliau berkata Tze Yong sudah kembali meneruskan latihan namun masih berhati-hati dan kurang agresif.

"Pasti (masih ada peluang ke Thomas) kerana (saya rasa) Tze Yong sudah siap kerana kita masih ada satu bulan (sebelum bermula).

"Keadaan Tze Yong kita lihat sudah ada pergerakan yang lebih baik namun

mungkin dia masih berhati-hati dalam membuat pergerakan ekstrem (seperti) pukulan *smash* selain pergerakan untuk mengawal gelanggang besar sudah nampak positif," katanya kepada pemberita di ABM di sini hari ini.

Tze Yong disahkan mengalami kesakitan tulang belakang akibat kecederaan dialami pada Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BATC) 2024 di Shah Alam, Selangor, Februari lepas.

Pemain berusia 23 tahun itu sebelum ini terlepas peluang membuat penampilan sulung pada Sukan Olimpik 2024 di Paris yang dijadual berlangsung dari 26 Julai hingga 11 Ogos depan, malah beliau sebelum ini menarik diri daripada menyertai Kejohanan Badminton Berpasukan Asia (BAC) 2024 di Ningbo, China pada 9 hingga 14 April ini.

Piala Thomas 2024 akan berlangsung pada 27 April hingga 5 Mei di Chengdu, China. - @BERNAMA

Empat pemain muda sertai kem pemilihan Speedy Tigers

KUALA LUMPUR, 1 April. - Empat pemain muda yang beraksi di Piala Dunia Remaja 2023 terpilih berada dalam senarai 30 pemain skuad hoki senior lelaki negara.

Muhammad Adam Ashraf, Muhammad Faris Harizan, Mughni Mohamad Kamal dan Alfario Lance Liao Jr berjaya menambat hati Ketua Jurulatih, Sarjit Singh untuk menjalani kem latihan pemilihan fasa kedua yang bermula malam ini.

Sarjit berkata kesemua mereka

mempunyai bakat dan layak diberikan peluang beraksi bersama skuad senior kebangsaan.

"Mereka ini ada potensi untuk ke tahap lebih tinggi, jadi menjadi tugas kita untuk membantu mereka sampai ke tahap itu," katanya dalam sidang media di Stadium Hoki Nasional Bukit Jalil di sini hari ini.

Beliau turut mengumumkan enam muka baharu bagi merebut peluang membuat penampilan sulung bersama Speedy Tigers

iaitu Che Shahrul Azmi Che Saufi, Muhammad Kamarulzaman Kamaruddin, Muhammad Syawal Abd Razak, T Naaveennash, Azimuddin Syakir Kamaruddin dan Nur Rahull Hrsikesa Thaitchana Muruthi.

Selain itu pemain berpengalaman yang tersenarai termasuk Muhammad Hafizuddin Othman, pasangan adik beradik Fitri dan Faizal Saari, Syed Muhammad Syafiq Syed Cholan, Muhammad Najib Hassan dan Marhan Jalil.

Sarjit berkata beliau kemudian akan menyenarai pendek 18 pemain untuk beraksi pada kejohanan Piala Sultan Azlan Shah di Ipoh, Perak pada 4 hingga 11 Mei ini.

Bagaimanapun katanya perubahan senarai pemain Speedy Tigers akan terus dilakukan bergantung kepada prestasi ditampilkan pemain.

"Pada 1 Mei kita akan umumkan senarai 18 pemain yang akan mengharungi Piala Sultan Azlan Shah, kita akan beri peluang kepada semua orang sebab dalam tiga bulan ada tiga kejohanan termasuk Trofi Juara-Juara Asia pada September, jadi semua diberi peluang," katanya.

Speedy Tigers juga bakal beraksi pada kejohanan Piala Negara-Negara di Poland dari 30 Mei hingga 1 Jun depan. - ©BERNAMA

Pelumba TSG unggul peringkat kedua Jelajah Thailand

KUALA TERENGGANU, 2 April. - Pelumba Terengganu Cycling Team (TSG) Muhammad Nur Aiman Rosli muncul juara peringkat kedua Jelajah Thailand sejauh 202.3 kilometer (km) hari ini.

Muhammad Nur Aiman menamatkan saingan dengan mencatatkan empat jam 39 minit 17 saat, diikuti rapat pelumba Malaysia Pro Cycling (MPC) Mohamad Izzat

Hilmi Abdul Halil di tempat kedua manakala pelumba Jerman Lucas Carstensen dari pasukan Roojai Insurence (RDI) ketiga.

Pelumba berusia 25 tahun itu berkata cuaca panas terik sehingga suhu mencecah 40 darjah Celcius selain perlumbaan berlangsung dalam bulan Ramadan, merupakan cabaran terbesar terpaksa diharunginya sebelum menamatkan

perlumbaan di kedudukan podium hari ini.

"Perlumbaan sangat mencabar. Aiman keluar melakukan taktikal pada 50km terakhir dan simpan tenaga untuk baki 20km akhir. Alhamdulillah Aiman berjaya menghadiahkan kemenangan ini untuk pasukan yang baru disertai tahun ini," katanya.

Muhammad Nur Aiman berkata TSG

mampu meraih lebih banyak podium dalam empat lagi peringkat perlumbaan Jelajah Thailand yang akan berakhir 6 April ini. Selain Muhammad Nur Aiman, lima lagi pelumba TSG yang menyahut cabaran di Jelajah Thailand adalah Kee Zhe Yie, Irwandie Lakasek, Aiman Cahyadi, Jesse Ewart dan Anatolii Budiak. - ©BERNAMA